Pada tahun 2015 juga, FAMA terus mengungguli kecemerlangan dalam melaksanakan program, projek dan inisiatif yang terkesan di hati rakyat dalam usaha memartabatkan lagi pemasaran produk agromakanan negara. Sehingga 31 Disember 2015, FAMA telah menyediakan anggaran sebanyak 2,544 outlet pemasaran, dengan penyertaan seramai 78,083 orang usahawan terlibat dan menjana jualan berjumlah

We realise that all the responsibilities given by the Government are not easy endeavours nor are they small tasks. FAMA has to ensure the survival of agriculture marketing to an optimal level. The needs of the People becomes the focus of the Government and FAMA in the efforts to handle the increased cost of living.

Alhamdulillah, we are confident we would be able to carry out the tasks and responsibilities entrusted to FAMA with the full cooperation of all departments and agencies under the Ministry of Agriculture and Agro-Based Industry in line with the National Blue Ocean Strategy approach.

Realizing that our target group comprises of those aged above 65 years old, the Government has taken initiatives by providing various platforms for the young generation to take over the agro food sector. Among them, is the establishment of MyAgrosis Club that was officiated by YAB Prime Minister of Malaysia on 17 December 2011 at University Teknologi MARA (Uitm) Merbok, Kedah. MyAgrosis Club is an initiative programme by Ministry of Agriculture and Agro-Based Industry and Ministry of Education that has been in operation since the year 2012 in all Public Institutes of Higher Education and Agriculture Training Institutes (IPTA/ILP). The purpose for the establishment of the club is to give early exposure to young entrepreneurs the feel of the real agricultural and business world. Up to 31 December 2015 the Departments/Agencies under Ministry of Agriculture and Agro-Based Industry together with FAMA had developed 22,631 young entrepreneurs throughout the IPTA/ILP.

In 2015, FAMA had continued implementing effective programmes, projects and initiatives that were close to the peoples' heart in its efforts to elevate the marketing of the Agro food products in the country. Until 31 December 2015, FAMA had created 2,544 marketing outlets involving 78,083 entrepreneurs and had generated RM2.86 billion in sales. Congratulations and well done to FAMA workforce that had worked hard to

RM2.86 billion. Syabas dan tahniah diucapkan kepada semua wargakerja FAMA yang telah bertungkus lumus melaksanakan amanah kerajaan demi kesejahteraan rakyat Malaysia.

Kejayaan FAMA pada tahun 2015 ini diserikan lagi dengan sambutan besar-besaran 'Program Sambutan 50 Tahun FAMA' yang telah diadakan buat julung kalinya di Dataran Merdeka, Kuala Lumpur dari 4 hingga 6 Disember 2015 dan telah disempurnakan oleh YAB Dato' Sri Haji Mohammad Najib bin Tun Haji Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia.

Bertemakan "Pemasaran Berkesan Menjamin Kedaulatan Makanan", dan selaras dengan slogan "FAMA di Hati Rakyat" dalam menjaga kepentingan kumpulan sasar iaitu petani, penternak, nelayan dan usahawan pemasar tani.

Acara yang gilang-gemilang ini telah dihadiri oleh ribuan rakyat dari seluruh pelusuk tanahair. Pelbagai acara dan aktiviti telah dilaksanakan sepanjang program ini berlangsung seperti, *Kingdom of Fruits*, *Food Truck*, Empayar Makanan, pameran FAMA 50 Tahun dan aktiviti lain lagi. Program ini dianjurkan bagi meningkatkan kefahaman rakyat mengenai dasar dan program Kerajaan yang dilaksanakan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani khususnya program dan projek pembangunan yang diterajui oleh FAMA serta mengangkat martabat usahawan pemasar yang berjaya menerusi program-program FAMA sepanjang 50 tahun.

Penting untuk saya menyatakan bahawa FAMA perlu terus berusaha untuk meningkatkan lagi kecekapan dalam penyampaian perkhidmatan pemasaran produk agromakanan agar visi menjadi peneraju utama pemasaran agromakanan negara dapat direalisasikan dan terkesan kepada rakyat secara keseluruhannya.

Kita telah melalui 50 tahun yang panjang. Penuh cabaran dan dugaan. Melalui liku dan ranjau. Kita bersyukur atas semua kejayaan yang telah

uphold the Government's trust for the welfare of all Malaysians.

FAMA's success in the year 2015 was also graced with the grand celebration of '50 Years Anniversary of FAMA' that was held at Dataran Merdeka, Kuala Lumpur from 4 to 5 December 2015 officiated by YAB Dato' Sri Haji Mohammad Najib bin Tun Haji Abdul Razak, Prime Minister of Malaysia.

The theme of the celebration was "Efficient Marketing Ensures Food Sovereignty" and with a parallel slogan "FAMA Always in Peoples' Heart" in keeping with the priorities of the target group comprising of farmers, breeders and fishermen together with the agriculture marketing entrepreneurs.

The glorious event was attended by thousands of Malaysians from all walks of life throughout the country. Various events and activities were held throughout the programme such as the, 'Kingdom of Fruits', 'Food Truck', 'Food Empire', FAMA 50 Years Exhibition and much more. The programmes was held to increase the understanding of the people about Government policies and programmes that are implemented by the Ministry of Agriculture and Agro-Based Industry especially Programmes and development projects lead by FAMA as well as to elevate the prestige of the marketing entrepreneurs who were successful through the Programmes initiated by FAMA throughout the 50 years of existence.

It is important for me to mention here that FAMA needs to continue striving for more efficiency in delivering Agro food product marketing services towards achieving the vision of becoming the leading marketing agency in agro food and to be effective to the people generally.

We have been through a long 50 years existence full of challenges and hardships and had gone through bends and twists. We are grateful for all



kita capai setakat ini. Namun, masih terlalu awal untuk kita merayakannya. Masih banyak yang perlu kita lakukan. Harapan rakyat dan golongan para petani mesti terus kita realisasikan. Diharap slogan "FAMA di Hati Rakyat" akan terus subur dihati seluruh masyarakat Malaysia.

Di kesempatan ini, suka untuk saya mengucapkan ribuan terima kasih yang tidak terhingga kepada YAB Perdana Menteri YAB Dato' Sri Haji Mohammad Najib bin Tun Haji Abdul Razak dan YB Dato' Sri Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, YB Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, semua Ahli Lembaga Pengarah FAMA, YBhg. Dato' Ketua Pengarah FAMA, pihak pengurusan, pegawai serta seluruh warga FAMA di peringkat ibu pejabat, negeri dan daerah atas kerjasama dan komitmen dalam melaksanakan tanggungjawab dan tugas untuk memajukan FAMA.

Selain itu, saya selaku Pengerusi FAMA ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, dan Jabatan/Agensi dibawahnya Jabatan Perdana Menteri (JPM), kementerian-kementerian lain, jabatan-jabatan, agensi-agensi, badan-badan bukan kerajaan dan pihak swasta serta usahawan-usahawan FAMA yang telah terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam pelaksanaan

the success we have achieved so far. But it is still too early for us to celebrate. A lot more has to be done. The People and farmers aspirations have to be fulfilled continuously. Hopefully the slogan "FAMA Always in Peoples' Heart" will continue to bloom in all Malaysians.

I take this opportunity to express my deepest appreciation to YAB Prime Minister YAB Dato' Sri Haji Mohammad Najib bin Tun Haji Abdul Razak and YB Dato' Sri Minister of Agriculture and Agro Based Industry, YB Deputy Minister of Agriculture and Agro Based Industry, FAMA Board of Directors, YBhg. Dato' Director-General of FAMA, the management of FAMA, officers and the entire staff of FAMA at the Headquarters, State, and District levels for the cooperation and commitment in undertaking the tasks and responsibilities in developing FAMA further.

Further to that, I as FAMA Chairman would like to express my deepest gratitude to the Ministry of Agriculture and Agro-Based Industry, the Prime Minister's Department (JPM), other ministries, departments, agencies, statutory bodies, non-government organisations, and the private sector as well as FAMA entrepreneurs who were involved directly or indirectly in the implementation of FAMA Programmes throughout the year 2015.

projek/aktiviti pemasaran FAMA sepanjang tahun 2015. Tidak lupa juga ucapan jutaan terima kasih kepada seluruh rakyat Malaysia yang sentiasa menyokong aktiviti FAMA. Saya yakin dan percaya di hari mendatang kita akan terus melakar lebih banyak kejayaan dan pencapaian yang boleh memberi impak yang besar dalam memajukan lagi sektor agromakanan negara jika tugas dan amanah ini dijaga dan dilaksanakan dengan sempurna dan penuh keikhlasan.

Sekian, terima kasih.

Also, not forgetting heartiest appreciation to the people of Malaysia who were always supportive of the various FAMA activities. I firmly believe that in the immediate future we will be able to achieve further success and progress that gives bigger impact in developing the national agro food sector if the task and trust entrusted to us are implemented with perfection and with full sincerity.

Thank you.

Berkhidmat Kerana Allah
Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan
Pemasaran Berkesan Menjamin Kedaulatan Makanan
Serve For Allah
People First, Performance Now
Efficient Marketing Ensures Food Sovereignty



YBhg. Tan Sri Dato' Paduka Haji Badruddin Bin Amiruldin
Pengerusi FAMA
Chairman of FAMA



Sambutan 50 Tahun FAMA

FAMA 50 Years Anniversary Celebration



SAMBUTAN 50 TAHUN FAMA

FAMA 50 YEARS ANNIVERSARY CELEBRATION

Sambutan 50 Tahun FAMA telah diadakan di Dataran Merdeka, Kuala Lumpur pada 4 hingga 6 Disember 2015 dan disempurnakan oleh YAB Dato' Sri Mohd Najib Tun Hj Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia.

Program ini berteraskan konsep *National Blue Ocean Strategy (NBOS)* dalam menjayakan agenda Kedaulatan Makanan Negara. Pelbagai aktiviti telah diadakan bertujuan meningkatkan kefahaman rakyat mengenai dasar dan program kerajaan di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, khususnya program dan projek pembangunan yang diterajui oleh FAMA.

Bertemakan "Pemasaran Berkesan Menjamin Kedaulatan Makanan", program ini juga selari dengan tema bajet tahun 2016 iaitu "Mensejahtera Kehidupan Rakyat" melalui usaha-usaha berterusan dalam menangani kenaikan kos sara hidup. Ini adalah selaras dengan slogan "FAMA di Hati Rakyat" dalam menjaga kepentingan kumpulan sasar iaitu petani, penternak, nelayan dan usahawan pemasar.

FAMA 50 Years Anniversary Celebration was held at Merdeka Square Kuala Lumpur from 4 December 2015 to 6 December 2015 and was inaugurated By YAB Dato' Sri Mohd Najib Tun Hj Abdul Razak, Prime Minister of Malaysia.

The programme was based on the National Blue Ocean Strategy (NBOS) concept in achieving the national food sovereignty agenda. Various activities were carried out to enhance people's understanding of government programmes and policies under the Ministry of Agriculture and Agro Based Industry, especially development programmes and projects that were spearheaded by FAMA.

With the theme "Efficient Marketing Guarantees Food Sovereignty", this program was also in line with the theme of budget 2016 - "Wellbeing of People's Life" through continuous efforts in handling the rising cost of living. This is in tune with our slogan "Fama In People's Heart" in giving foremost attention to the target group comprising of farmers, breeders, fishermen and agro marketer entrepreneurs.



PENGISIAN PROGRAM SAMBUTAN 50 TAHUN FAMA FAMA 50 YEARS ANNIVERSARY CELEBRATION PROGRAMME

- | | |
|--|---|
| <p>a. Majlis Pelancaran:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Portal Agrobazaar Online; • Pembiayaan Mikro MyAgrosis Agropreneur Muda • Francais Kopiesatu <p>b. Program jualan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Jualan buah-buahan tempatan (<i>Kingdom of Fruits</i>); • Sajian makanan popular (<i>Empayar Makanan</i>); • Karavan Tani (<i>Food Truck</i>); • Jualan landskap dan florikultur (<i>Flora Marche</i>); • Jualan produk Industri Asas Tani dan Anjung Bicara @Agrobazaar; <p>c. Lain – Lain Pengisian</p> <ul style="list-style-type: none"> • Promosi dan demonstrasi makanan serta produk (<i>Celebrity Corner</i>); • Penganugerahan kepada 10 Usahawan Pemasar Jaya; • Forum Perdana Ehwat Islam, persembahan artis jemputan, senamrobik dan tarian Zumba serta Program Kayuhan Basikal 50 Tahun FAMA. | <p>a. <i>Launching Ceremony</i></p> <ul style="list-style-type: none"> • <i>Online Agro Bazaar Portal;</i> • <i>Financing of Young Micro MyAgrosis Agropreneur</i> • <i>Kopiesatu Franchise</i> <p>b. <i>Sales Programme</i></p> <ul style="list-style-type: none"> • <i>Sales of Local Fruits (Kingdom of Fruits);</i> • <i>Popular Dishes of Malaysia (Food Empire);</i> • <i>Agro Products Caravan (Food Truck);</i> • <i>Sells of Landscape and Floriculture (Flora Marche)</i> • <i>Sales of Agro Based Industry Products and Anjung Bicara @ Agro Bazaar</i> <p>c. <i>Other Programmes</i></p> <ul style="list-style-type: none"> • <i>Celebrity Corner - Promotion and Demonstration of Food Dishes as well as products;</i> • <i>Awards to 10 most Successful Marketer Entrepreneurs</i> • <i>Premier forum, performance by invited celebrities, aerobics and zumba dance and cycling programme in conjunction with FAMA 50 Years Anniversary.</i> |
|--|---|

ANUGERAH USAHAWAN PEMASAR FAMA FAMA MARKETER ENTREPRENEURS AWARDS

Beberapa anugerah telah diberikan kepada usahawan-usahawan FAMA yang telah berjaya mengikut program. Berikut adalah senarai nama penerima Anugerah Usahawan Pemasar di Jadual X1:-

Awards were also given to FAMA entrepreneurs who were most successful in the FAMA programmes as follows in Table X1:-

Jadual X1: Senarai Nama Penerima Anugerah Usahawan Pemasar
Table X1: List of The Marketer Entrepreneurs Who Received Awards

BIL NO	NAMA ANUGERAH AWARD	NAMA PENERIMA RECIPIENTS	NEGERI STATE
1	Usahawan Pasar Tani Jaya <i>Best Farmers' Market Entrepreneur</i>	Sakimat Bin Yatiman	Selangor
2	Usahawan Karavan Tani Jaya <i>Best Agro Caravan Entrepreneur</i>	Mohamad Sohaimi Bin Ahmad	Selangor
3	Usahawan Agro Bazaar Kedai Rakyat Jaya <i>Best Agrobazaar Kedai Rakyat Entrepreneur</i>	Hashim Bin Saidon	Perak
4	Usahawan Motosikal Tiga Roda Jaya <i>Best Three Wheeled Motorcycle Entrepreneur</i>	Mustapha Bin Ismail	Kelantan
5	Usahawan Gerai Buah-Buahan Segar Jaya <i>Best Fresh Fruit Stall Entrepreneur</i>	Che Juraini Binti Che Soh	Melaka
6	Kelab MyAgrosis Jaya <i>Best Myagrosis Club</i>	Universiti Sains Malaysia	P.Pinang
7	Usahawan Ladang Kontrak Jaya <i>Best Contract Farming Entrepreneur</i>	Rosdi Bin Salleh	Pahang
8	Usahawan Pemasar KUKUH Jaya <i>Best KUKUH Marketer Entrepreneur</i>	Amran Bin Jantan	Johor
9	Usahawan Vendor Jaya <i>Best Vendor Entrepreneur</i>	Zinon Food Industry Sdn Bhd	Kedah
10	Usahawan Industri Asas Tani <i>Agro Based Industry Entrepreneur</i>	Inflow Fast Food	Perak



Sajian Makanan Popular (Ministry Of Food)

Antara tarikan utama sambutan ini adalah Pavilion Makanan Popular atau *Ministry of Food*, melibatkan 30 kiosk dan 30 usahawan yang menyajikan sebanyak 62 menu mengikut negeri. Nilai jualan keseluruhan bagi Sajian Makanan Popular sepanjang tempoh sambutan adalah sebanyak RM1,698,104.40.

Jualan Produk Segar (Kingdom Of Fruits)

Sebanyak 25 jenis buah-buahan dari seluruh negara seperti Durian *Mousang King* dan Durian *Mousang Queen* dari Pahang, Durian Udang Merah dan Durian Kampung dari Johor, Pomelo Tenom Sabah, Nanas Merbok Kedah, Nangka Madu (J33) Lanchang, Pahang, *Malay Apple*, Muar dan lain-lain.

Manakala bagi sayur-sayuran sebanyak 18 jenis sayuran diniagakan terdiri daripada sayuran tanah tinggi dari Cameron Highlands seperti kubis bulat, tomato dan kacang buncis serta 12 jenis sayuran tanah rendah dan 6 jenis sayuran import seperti lobak merah, halia tua, bawang besar, bawang kecil, cili padi dan ubi kentang.

Selain itu, produk-produk nilai tambah berasaskan buah-buahan dan sayuran juga turut dijual seperti lempuk durian, durian *crepe*, buah potong, jeruk buah-buahan, kerepek pisang dan *vege snacks*.

Minuman berasaskan buah-buahan juga turut dijual seperti jus buah-buahan asli, air soda (perisa nanas, pisang, mangga, durian belanda dan laici), air kelapa, *coconut shake* dan air kelapa Jando Pulang. Sudut Jualan Buah-Buahan RM 5.00 juga turut diadakan bagi menarik minat pengunjung.

Popular Food Dishes (Ministry Of Food)

Among the main attraction in the celebration is the popular food pavilion or the ministry of food, involving 30 kiosks and 30 entrepreneurs serving over 62 food menus from each state. The total sales value of the popular food dishes throughout the celebration period was RM 1,698,104.40.

Fresh Product Sales (Kingdom Of Fruits)

There were 25 types of fruits sold that were sourced from around the country such as the Mousang King durian and Mousang Queen durian from Pahang, Udang Merah durian and country durian from Johor, Sabah's Tenom Pomelo, Kedah's Merbok Pineapple, Lanchang's Honey Jackfruit (J33) from Pahang, Malay Apple, Muar and others.

Meanwhile, for vegetables, there were 18 types of vegetables sold consisting of highland vegetables from Cameron Highlands such as round cabbage, tomatoes and green beans and 12 types of low land vegetables and 6 types of imported vegetables including carrot, old ginger, onion, shallot, chili padi, and potato.

Value added vegetable and fruit products were also on sale such as lempuk durian, durian crepe, fresh cut fruits, fruit preserves, banana chips and veggie snacks.

Fruit based drinks sold were natural fruit juices, soda drinks (pineapple, banana, mango, soursop and lychee flavoured), coconut drink, coconut shake and Jando Pulang coconut drink. A RM5.00 fruit section was held to attract visitors' interest.



Florikultur Dan Input Pertanian (Flora Marche)

Produk-produk yang ditawarkan meliputi pelbagai jenis orkid, anak pokok buah-buahan dan sayur-sayuran, pokok herba/ulaman, cendawan dan pokok tin serta input pertanian seperti baja, tanah, pasu dan sebagainya.

Nilai jualan keseluruhan di bawah kluster jualan segar sepanjang program berlangsung adalah RM246,208 iaitu merangkumi RM148,538 (Kingdom of Fruits) dan RM97,670 (Flora Marché).

Pameran ICT Dan Pelancaran Portal Agrobazaar

Sambutan FAMA 50 Tahun juga disemarakkan lagi dengan pelancaran portal Agrobazaar.com.my serta Majlis Pertukaran Dokumen antara MIMOS-FAMA, MAMPU-FAMA, Webcash-FAMA, Poslaju-FAMA, KTMB-FAMA dan Tele Biz-FAMA untuk payment gateway yang disaksikan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia.

Anugerah Tokoh

FAMA telah menganugerahkan Anugerah Tokoh kepada Pengerusi pertama FAMA iaitu Tan Sri Hanafiah bin Hussein. Beliau telah dilantik menjadi pengerusi FAMA yang pertama dari 30 September 1965 hingga 30 September 1967.

Floriculture and Agriculture Input (Flora Marche)

Products included various types of orchids, fruit and vegetable saplings, herbs/salads, mushrooms and fig and also agriculture inputs such as fertiliser, soil, vases and other related products.

Total sales under the fresh products sales cluster throughout the program was RM246,208 comprising of RM148,538 kingdom of fruits and RM97,670 flora marche.

Launching of ICT Exhibition and Agrobazaar Portal

FAMA 50 Years Anniversary Celebration was more meaningful with the launching of agrobazaar.com.my portal and document exchange function between MIMOS-FAMA, MAMPU-FAMA, WebCash-FAMA, Poslaju-FAMA, KTMB-FAMA, and Tele Biz-FAMA for payment gateway that was witnessed by YAB Prime Minister of Malaysia.

FAMA Life-Time Achievement Award

FAMA life-time achievement award was presented to the first Chairman Of FAMA, Tan Sri Hanafiah Bin Hussein who was appointed the first Chairman of FAMA on 30 September 1965 and was Chairman until 30 September 1967.



Demonstrasi Malaysia Book Of Records

FAMA telah mencatat satu lagi rekod *Malaysia Book Of Records* bagi 'The Longest Carved Fruits Line' (Melon) dengan jumlah pencapaian 50 meter dan melibatkan 35 orang pengukur dengan menggunakan 320 biji buah tembikai merah, *honey dew* dan rock melon. Pencapaian rekod ini disaksikan oleh YAB. Datin Paduka Seri Rosmah Mansor, Isteri YAB Dato' Seri Perdana Menteri Malaysia.

Pameran Dan Promosi

Pavillion FAMA yang mempamerkan sejarah penubuhan, fokus dan pencapaian FAMA mengikut dekad dan Anugerah Pencapaian Kecemerlangan FAMA.

Terdapat juga pameran koleksi gambar peristiwa penting, aktiviti kempen dan promosi yang dijalankan sepanjang 50 tahun serta Perkhidmatan yang disediakan oleh FAMA. Di samping itu di *booth pavilion* ini terdapat juga pelbagai pameran dan aktiviti-aktiviti berikut:

- a. Model Agromas@Mall
- b. Kiosk Kopie Satu dengan imej yang baru
- c. Majlis Penyampaian Sijil Francais Kopiesatu yang disempurnakan oleh YAB Perdana Menteri
- d. Model Pejabat Korporat Dan Pusat Agromakanan FAMA Kelana Jaya

Demonstration For Malaysia Book Of Records

FAMA made a record listing in the *Malaysia Book Of Records For 'The Longest Carved Fruits Line' (melon)* with the total achievement of 50 metres and involving 35 fruit carvers using 320 watermelons, *honey dew* and rock melons. The record achieving moment were witnessed by YAB Datin Paduka Seri Rosmah Mansor, the wife of YAB Dato' Sri Mohd. Najib Bin Tun Abdul Razak Prime Minister Of Malaysia.

Exhibition and Promotion

FAMA pavilion had displayed the history of FAMA which focussed on its achievements over the decades and FAMA achievement awards for excellence over the years.

There was a display of picture collection of important events, campaign activities and promotions that were carried out throughout its 50 years existence as well as services that were provided by FAMA. At the same time other displays and activities at the booth pavilion were as follows:

- a. Agromas model@mall
- b. Kopiesatu kiosk with a new image
- c. Kopiesatu franchise certificates award ceremony By yab prime minister.
- d. Model of the corporate office and fama agrofood Centre kelana jaya.

- e. Kiosk Maklumat Pasaran dengan menggunakan 'touch screen'
- f. Prototaip Model Usahawan MyAgrosis yang menampilkan Syarikat UPEH, pengusaha keropok lekor dengan pelbagai perisa
- g. Promosi dan demonstrasi 17 masakan ulam, herba dan rumpai laut.

Aktiviti Promosi Di Pentas Utama

- a. Pertandingan Masakan berasaskan Ikan Air Tawar iaitu Battle of The Champions (Kulinari) yang terdiri daripada pelajar kulinari IPTA/ IPTS.
- b. Demonstrasi Masakan oleh Chef Selebriti Yang Jamil berasaskan buah-buahan dan ulam-ulaman
- c. Penampilan eksklusif Maskot Upin dan Ipin
- d. Selebriti Corner di Agrobazaar dan Sajian Makanan Popular melibatkan beberapa orang artis popular tanah air
- e. Sesi business matching terutamanya daripada segi pembiayaan dan kewangan serta peluang perniagaan yang ditawarkan dibawah Jabatan/ Agensi MOA.
- f. Gimik pelancaran Pembiayaan Mikro MYAGROSIS Agropreneur Muda telah disempurnakan oleh YAB Perdana Menteri di Pavilion Perkhidmatan FAMA.

Program Sambutan 50 Tahun FAMA telah berjaya menjana nilai jualan sebanyak RM 5.645 juta (Jadual X4) dan seramai 236 orang usahawan telah mendapat faedah secara langsung menerusi penganjurannya. Penganjuran program ini juga telah berjaya membuktikan bahawa sektor pemasaran produk agromakanan dapat menjamin peluang kerjaya utama bagi meningkatkan pendapatan khususnya bagi golongan belia.

- e. *Market information kiosk using touch screen;*
- f. *MyAgrosis entrepreneur prototype model featuring Upeh company, multi flavoured keropok lekor entrepreneur*
- g. *Promotion and demonstration of 17 types of salads, herbs and seaweed dishes.*

Promotion activities at the main stage

- a. *Freshwater fish based cooking competition named battle of the champions (culinary); consisting of public and private institutions culinary students.*
- b. *Fruits and salads based cooking demonstration by celebrity Chef Yang Jamil;*
- c. *Exclusive appearance of Upin and Ipin Mascots;*
- d. *Celebrity Corner at Agro Bazaar and Popular Food Dishes involving Popular Local Celebrities;*
- e. *Business matching session for financing and financial packages as well as business opportunities offered by the ministry and its agencies/departments;*
- f. *Young Agropreneur MyAgrosis micro financing launched by YAB Prime Minister at the FAMA service pavilion.*

FAMA 50 Years Anniversary Celebration had successfully generated total sales amounting to RM 5.645 million (Table X4) and 236 entrepreneurs had directly benefited from this event. The event had proven that the agro food product marketing sector has potential for successful career development opportunities to increase income especially for the young entrepreneurs.

Jadual X2: Nilai Jualan Sempena Sambutan 50 Tahun Fama
Table X2: Sales Value In Conjunction With FAMA 50 Years Anniversary Celebration

BIL. NO.	KLUSTER KOMPONEN CLUSTER COMPONENT	NILAI JUALAN (RM) SALES VALUE (RM)			JUMLAH NILAI JUALAN KESELURUHAN TOTAL SALES (RM)
		4 DIS DEC 2015	5 DIS DEC 2015	6 DIS DEC 2015	
1.	Industri AsasTani <i>Agro Based Industry</i>	52,000.00	123,000.00	153,000.00	328,000.00
2.	Makanan Popular <i>Popular Dishes</i>	483,000.00	670,000.00	520,000.00	1,673,000.00
3.	Buah-buahan <i>Fruits</i>	25,794.00	58,470.00	45,574.00	129,838.00
4.	Sayur-sayuran <i>Vegetables</i>	6,000.00	5,400.00	7,300.00	18,700.00
5.	Florikultur <i>Floriculture</i>	16,350.00	43,970.00	37,350.00	97,670.00
6.	Kopiesatu <i>Kopiesatu</i>	6,900.00	16,200.00	51,535.00	74,635.00
7.	Karavan tani <i>Agro caravan</i>	63,000.00	164,598.00	95,850.00	323,448.00
8.	Potensi Pasaran <i>Market Potential</i>	1,000,000.00	1,500,000.00	500,000.00	3,000,000.00
JUMLAH TOTAL		1,653,044.00	2,581,638.00	1,410,609.00	5,645,291.00





Laporan ke Atas Bantuan Kerajaan

Report On Government Assistance

LAPORAN KE ATAS BANTUAN KERAJAAN

GERAN PERUNTUKAN

Kerajaan Persekutuan telah meluluskan geran peruntukan sejumlah RM 177,660,000 bagi tahun kewangan 2015 dengan penurunan sebanyak 3 peratus berbanding tahun-tahun sebelumnya iaitu RM183,350,000. Daripada jumlah tersebut RM157,000,000 adalah peruntukan di bawah Kumpulan Wang Mengurus (KWM) dan RM20,660,000 adalah peruntukan di bawah Kumpulan Wang Pembangunan (KWP). Faktor utama penurunan peruntukan adalah disebabkan oleh sekatan perbelanjaan yang dilaksanakan oleh pihak Kementerian ke atas peruntukan Mengurus sebanyak RM15,000,000 pada tahun semasa. Pecahan peruntukan yang diterima dalam tahun semasa berbanding tahun sebelumnya adalah seperti di Jadual X1.

REPORT ON GOVERNMENT ASSISTANCE

GRANT ALLOCATION

The Federal Government had approved a grant allocation amounting to RM177,660,000 for the financial year 2015 which was a 3% reduction compared to the previous year's allocation of RM183,350,000. From the said amount RM157,000,000 was for Operating Expenditure and RM20,660,000 was for Development Expenditure. The main factor for the decrease in Allocation was due to spending restrictions implemented by the Ministry on Operating Expenditure Allocation amounting to RM15,000,000 for the current financial year. Breakdown in allocation received for the current year compared to the previous year is shown in Table X1.

Jadual X3: Trend Geran Peruntukan Kumpulan Wang Mengurus Dan Pembangunan
Bagi Tahun 2013 Hingga 2015

Table X3: Grant Allocation for 3 Years (2013, 2014 and 2015)

TAHUN YEAR	KUMPULAN WANG MENGURUS OPERATING FUND (RM)	KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN DEVELOPMENT FUND (RM)	JUMLAH (RM) TOTAL
2013	159,723,768	14,627,800	174,351,568
2014	169,100,000	14,250,000	183,350,000
2015	157,000,000	20,660,000	177,660,000

PRESTASI PERBELANJAAN PERUNTUKAN

ALLOCATION OF EXPENDITURE ACHIEVEMENT

Peruntukan Mengurus

Peruntukan Mengurus yang telah diluluskan bagi tahun 2015 berjumlah RM 157,000,000. Jumlah ini telah mengambilkira sekatan perbelanjaan oleh pihak Kementerian sebanyak RM 15,000,000 berbanding kelulusan peruntukan asal sebanyak RM 172,000,000. Prestasi perbelanjaan pula berjumlah RM 159,406,889 (termasuk tanggungan) iaitu 101.53 peratus daripada jumlah peruntukan tersebut. Perincian prestasi perbelanjaan Geran Peruntukan Mengurus bagi Tahun 2015 seperti di Jadual X2 manakala perbandingan prestasi perbelanjaan Geran Peruntukan Mengurus bagi tahun 2013, 2014 dan 2015 seperti di Rajah X1.

Operating Allocation


The operating allocation approved for the year 2015 amounted to RM 157,000,000. This total had taken into account the spending restrictions imposed by the Ministry amounting to RM 15,000,000 as compared to the original allocation that had been approved amounting to RM 172,000. The expenditure amounting to RM 159,406,889 (including liabilities) was 101.53% of the said allocation. Table X2 shows the performance breakdown of the operating expenditure for the year 2015 while Diagram X1 shows the comparison of the operating expenditure for the year 2013, 2014 and 2015.

Jadual X4: Prestasi Perbelanjaan Geran Peruntukan Mengurus bagi Tahun 2015
Table X4: Operating Expenditure Details for the Year 2015

PERUNTUKAN ALLOCATION	GERAN GRANT (RM)	GERAN DITERIMA GRANT RECEIVED (RM)	%
Mengurus 2015 <i>Operating</i>	157,000,000	157,000,000	100

PERBELANJAAN EXPENDITURE	GERAN GRANT (RM)	PERBELANJAAN EXPENDITURE (RM)	%
1. Emolumen <i>Emoluments</i>	110,800,000	112,788,560	102
2. Perkhidmatan dan Bekalan <i>Services and Supplies</i>	41,405,000	42,119,987	102
3. Bayaran Lain <i>Other Payments</i>	2,335,000	2,087,836	89
4. Pemberian Dalam Negeri <i>Other Allocations</i>	1,060,000	19,379	2
5. Gantian Cuti Rehat <i>Payments in lieu of Leave</i>	400,000	1,070,633	268
6. Harta Modal <i>Capital Assets</i>	1,000,000	1,320,494	132
JUMLAH TOTAL	157,000,000	159,406,889	102

Rajah X1: Perbandingan Prestasi Perbelanjaan Geran Peruntukan Mengurus bagi Tahun 2013, 2014 dan 2015
Diagram X1: Performance Comparison of Operating Expenditure for The Years 2013, 2014 And 2015



Peruntukan Pembangunan

Peruntukan Pembangunan di FAMA terdiri daripada 2 jenis peruntukan iaitu ;


- i. **Peruntukan Pembangunan (Siling FAMA)**
 Pada tahun 2015, jumlah keseluruhan peruntukan yang telah diluluskan adalah sebanyak RM 20,660,000. Perbandingan prestasi perbelanjaan peruntukan pembangunan bagi tahun 2013, 2014 dan 2015 seperti di Rajah X2.

Development Allocation

The Development Allocation in FAMA consists of 2 types of allocation namely;

- i. **Development Allocation (FAMA Ceiling)**
In 2015, the total allocation approved was RM 20,660,000. The comparison in development expenditure from 2013 - 2015 shown as in Diagram X2.

Rajah X2: Prestasi Perbelanjaan Geran Pembangunan bagi Tahun 2013, 2014 dan 2015
Diagram X2: Development Expenditure Performance for 2013, 2014 and 2015



ii. Peruntukan Pembangunan (Dana Ditindik dan Dana Khas)

Lembaga dari semasa ke semasa dalam tahun 2015 telah menerima peruntukan khas dari beberapa Kementerian dan Agensi lain sebanyak RM58,980,924 dan menjadikan keseluruhan peruntukan pembangunan dana ditindik dan dana khas terkumpul di FAMA sebanyak RM179,363,188. Antara contoh dana khas FAMA adalah dana bagi projek khas yang dilaksanakan oleh pihak FAMA seperti dana bagi Projek Pasar Komuniti dan Karavan (PAKAR) dan program-program di bawah National Blue Ocean Strategy (NBOS).

ii. Development Allocation (Special Funds)

FAMA had received special allocations from time to time in the year 2015 from various Ministries and Agencies amounting to RM58,980,924 making a total consolidated special allocation amounting to RM179,363,188 in FAMA. Among the special allocations include funds for special projects implemented by FAMA such as funds for PAKAR Project and Programmes under the National Blue Ocean Strategy (NBOS).

ANALISIS PRESTASI KEWANGAN

Punca Kewangan

Lembaga telah menerima geran peruntukan dari Kerajaan Persekutuan bagi tahun kewangan 2015 berjumlah RM177,660,000. Daripada jumlah tersebut, Peruntukan Mengurus berjumlah RM157,000,000 dan Peruntukan Pembangunan berjumlah RM20,660,000.

FINANCIAL PERFORMANCE ANALYSIS

Source of Funds

FAMA had received Grant allocation from the Federal Government for the financial year 2015 amounting to RM177,660,000. The Operating Allocation was RM157,000,000 and Development Allocation was RM20,660,000.


Terimaan dan Lebihan/kurangan Pendapatan Atas Perbelanjaan

Pada keseluruhannya, pendapatan Lembaga bagi tahun berakhir 31 Disember 2015 meningkat kepada RM 329,659,770 (2014: RM 321,655,923) iaitu peningkatan sebanyak RM 8,003,847 atau 2 peratus.

Receipts and Surplus/Deficit Income over Expenditure

The total income of FAMA for the year ending 31 December 2015 increased to RM329,659,770 (2014:RM321,655,923) an increase of RM8,003,847 or a 2 percent increase.

Rajah X3: Agihan Pendapatan Lembaga bagi Tahun 2015
Diagram X3: FAMA Income Breakdown for the Year 2015



Rajah 3 menunjukkan sebahagian besar pendapatan ini adalah merupakan wang Peruntukan Kerajaan Persekutuan iaitu sebanyak RM195,106,347 (2014: RM 194,892,752) atau 59 peratus daripada keseluruhan pendapatan. Selebihnya, iaitu RM 134,553,423 (2014: RM 126,763,171) atau 41 peratus adalah merupakan pendapatan lain daripada aktiviti – aktiviti pelaburan, jualan urusniaga dan lain – lain.

Diagram 3 shows that a big portion of the income was from Government grant amounting to RM195,106,347 (2014:RM194,892,752) which was 59 percent of total income. The balance amounting to RM134,553,423 (2014:126,763,171) or 41 percent was income derived from investments, trading and other sources.



Laporan Prestasi FAMA 2015

FAMA Performance Report 2015

PEMBANGUNAN PEMASARAN PRODUK SEGAR

PEMASARAN BUAH-BUAHAN

Pada tahun 2015 nilai urusniaga bagi buah-buahan adalah sebanyak RM 26.2 juta iaitu peningkatan sebanyak 31 peratus berbanding RM 20 juta pada tahun 2014. Peningkatan ini adalah disebabkan oleh peningkatan bekalan serta kepelbagaian saluran pemasaran yang telah dilaksanakan oleh FAMA termasuklah program dan Kempen Makan Buah Tempatan yang diperkenal dan dikendalikan oleh FAMA.

FAMA Wilayah Tengah mencatatkan nilai jualan tertinggi berbanding wilayah-wilayah lain. Ini adalah kerana luang pasaran yang lebih meluas di wilayah ini serta permintaan terhadap buah-buahan adalah tinggi. Perincian jualan buah-buahan mengikut wilayah adalah seperti di Jadual X5.

FRESH PRODUCE MARKETING DEVELOPMENT

MARKETING OF FRUITS

In 2015 trading in fruits amounted to RM 26.2 million which was an increase of 31 percent compared to that of the year 2014. The increase was due to the increase in supplies as well as to the diversification of market channels by FAMA including the promotion Programmes and the 'Eat More Local Fruit' campaigns that had been introduced and carried out by FAMA.

FAMA Central Region recorded the highest sales value compared to the other Regions. This was due to the wider market outlets and higher demand in The Central Region. The detail of sales by Region is as shown in Table X5.

Jadual X5: Nilai Jualan Buah-Buahan Mengikut Wilayah dari Tahun 2011 hingga 2015
Table X5: Sales Value of Fruits by Region and Year 2011 to 2015

BIL NO	WILAYAH REGION	2011 (RM)	2012 (RM)	2013 (RM)	2014 (RM)	2015 (RM)
1	Selatan (Johor)	2,390,675	3,258,306	1,730,737	2,276,275	2,837,406
2	Selatan II (N. Sembilan dan Melaka)	1,299,751	1,690,422	1,188,881	1,064,436	475,754
3	Tengah (Selangor, Wilayah Persekutuan dan Perak)	9,138,252	9,818,475	6,826,226	8,029,633	9,593,450
4	Utara North (Kedah, Perlis dan Pulau Pinang)	1,528,444	2,498,976	2,305,768	1,788,495	1,991,643
5	Kelantan	1,830,678	1,362,266	1,170,367	1,406,548	2,240,850
6	Pahang	4,555,992	3,461,249	2,178,329	3,237,248	6,376,700
7	Terengganu	984,439	996,763	688,583	570,386	754,825
8	Sabah	1,671,810	667,293	1,531,599	1,294,143	1,404,243
9	Sarawak	498,454	510,489	556,555	365,033	564,687
JUMLAH BESAR GRAND TOTAL		23,898,495	24,264,238	18,177,001	20,032,195	26,239,558

Sumber: Sistem Kewangan FAMA / *Source: FAMA Financial System*

Buah – Buah-buahan Bermusim

Pengeluaran buah-buahan bermusim bagi kawasan-kawasan terpilih melalui pemantauan bekalan oleh Bahagian Maklumat Pasaran FAMA yang meliputi durian, rambutan duku/ dokong/langsat, manggis dan cempedak. Musim pertama buah-buahan bermula pada Jun hingga September dan musim kedua bermula pada Disember hingga Februari. Pengeluaran buah-buahan bermusim pada tahun 2015 mencatatkan penurunan sebanyak 18.4% berbanding tahun 2014 iaitu dari 94,549 MT kepada 77,144 MT. Daripada jumlah tersebut, pihak FAMA menasaskan belian sebanyak 10,000 MT bernilai RM17,454,107.00 iaitu 13% daripada jumlah pengeluaran keseluruhan. Penurunan ini adalah disebabkan berlaku kekurangan pengeluaran buah-buahan bermusim lain akibat perubahan cuaca yang telah berlaku kecuali cempedak dan manggis. Perincian adalah seperti Jadual X6 di bawah:-

Seasonal Fruits

Supply monitoring of seasonal fruits in selected production areas by the FAMA Market Information Division covers durian, rambutan, duku / dokong / langsung, mangosteen and cempedak. The first fruit season starts in June until September while the second season starts in December and lasts until February. Production of seasonal fruits in 2015 recorded a decline of 18.4 % compared to 2014, from 94,549 m.t. to 77,144 m.t. FAMA had set the purchase target of 10,000 m.t. valued at RM 17,454,107.00 which was 13 % of the total production. The decline was due to the fall in production of other seasonal fruits except for cempedak and mangosteen, caused by the adverse weather conditions during this period. The details are as shown in Table X6 below:-

Jadual X6: Pengeluaran Buah-buahan Bermusim Utama Malaysia Tahun 2011-2015 (Tan Metrik)
Table X6: Production of Main Seasonal Fruits in Malaysia Year 2011-2015 (Tonnes Metric)

JENIS / TAHUN TYPE/ YEAR	2011	2012	2013	2014	2015	% PERUBAHAN DIFFERENCE (2014 & 2015)
Durian	59,726	44,364	41,473	74,090	56,082	-24.3
Rambutan	13,064	10,515	12,369	9,425	8,127	-13.7
Manggis/ Mangosteen	5,072	3,126	4,440	3,526	5,412	+53.5
Cempedak	4,321	1,100	4,326	1,336	2,451	+83.4
Duku/Dokong/ Langsat	9,000	8,240	21,873	6,172	5,072	-17.8
JUMLAH TOTAL	90,151	67,345	84,480	94,549	77,144	-18.4

Sumber: Bahagian Maklumat Pasaran FAMA/Source: Fama Market Information Division

FAMA telah mengatur pelbagai saluran pemasaran bagi membantu petani memasarkan hasil tanaman mereka. Luang pasaran utama buah-buahan FAMA adalah Pasar Tani, Gerai Buah-buahan Segar (GBBS), Rural Transformation Centre (RTC), dan juga karnival & kempen jualan buah-buahan.

Pemprosesan buah-buahan bermusim

Walaubagaimanapun sebagai langkah untuk mengurangkan kebergantungan kepada pasaran segar semata-mata, FAMA telah melaksana dan memperluaskan aktiviti nilai tambah buah-buahan bermusim khususnya durian. Antaranya ialah meningkatkan aktiviti penghasilan produk melalui pemprosesan durian menjadi *pulp*, pes dan tempoyak.

Pada tahun 2015, nilai jualan bagi pemprosesan durian FAMA mencatatkan nilai jualan sebanyak RM 4,851,688.00 dengan kuantiti sebanyak 290,155.6 kg. Nilai jualan yang tinggi ini adalah disebabkan permintaan yang menggalakkan daripada pengeksport dan pengusaha produk nilai tambah durian seperti durian crepe serta pengusaha kedai makan masakan ikan patin tempoyak. Perincian adalah sepertimana di Jadual X5.

FAMA had arranged a wide range of marketing channels to assist farmers to market their produce. The main markets of FAMA for the seasonal fruits were Farmers' Markets, Fresh Fruit Stalls (GBBS), Rural Transformation Centre (RTC), including carnivals and fruit sale fiestas.

Processing Seasonal Fruits

As a means to lessen the over-dependence on the fresh fruit market, FAMA had taken proactive steps in value adding activities for seasonal fruits especially durian. Among them include processing durian for pulp, paste and durian condiment.

In the year 2015, the value of processed durian sold by FAMA amounted to RM 4,851,688.00 for a total volume of 290,155.6 kg. The high sales value recorded was due to the high demand for the product from exporters and processors of value added durian products such as durian crepe, and from restaurants preparing fresh water 'patin' fish dishes using durian condiment. The details are as in Table X5.

Jadual X7: Nilai Jualan Produk Durian FAMA Tahun 2015
Table X7: Sales Value of Durian Products Year 2015

JENIS TYPE	KUANTITI QTY (KG)	NILAI JUALAN SALES VALUE (RM)
Pes Muosang King <i>Muosang King Paste</i>	3,338	150,759
Pes D24 <i>D24 Paste</i>	99,045	2,565,940.50
Pes Kampung <i>Country Durian Paste</i>	28,602.2	430,801.20
Tempoyak <i>Durian Condiment</i>	148,581.9	1,473,213.00
Isi Durian <i>Durian Pulp</i>	10,588.5	230,974.30
JUMLAH TOTAL	290,155.6	4,851,688.00

Sumber: Sistem DMS Kewangan FAMA/Source: FAMA Financial System



Aktiviti Memproses Durian Sejukbeku
Processing Frozen Durian

Pengeksportan Durian Sejukbeku

Pengeksportan durian sejukbeku ke luar negara terutamanya ke Republik Rakyat China bermula pada tahun 2011 di mana pada masa itu negara Malaysia telah mendapat akses pasaran untuk memasarkan durian sejukbeku. Akses pasaran ini hanya tertakluk dalam bentuk *pulp* dan pes sahaja. Luang pasaran yang meluas di Republik Rakyat China menyebabkan terdapat ramai usahawan tempatan yang menceburi bidang ini

Sehingga kini, terdapat 9 buah Pusat Pemprosesan Durian yang telah mendapat kelulusan dan pengiktirafan AQSIQ (*General Administration of Quality Supervision, Inspection and Quarantine*) untuk memproses durian sejukbeku terutamanya *pulp* durian. Senarai Pusat Pemprosesan Durian yang telah mendapat pengiktirafan AQSIQ, China seperti di Jadual X8.

Export of Frozen Durian

Export of frozen durian especially to the People's Republic of China started in the year 2011 after fulfilling Market Access protocols for exporting frozen durian to the country. The Market Access was only for durian pulp and paste. The huge market potential in the People's Republic of China had attracted a lot of local entrepreneurs to be involved in this sector.

To date there are 9 Durian Processing Centres that have being accredited by AQSIQ (General Administration of Quality Supervision, Inspection and Quarantine) for processing frozen durian mainly durian paste. The List of Durian Processing Centres accredited by AQSIQ China is as in Table X8.

Jadual X8: Senarai Pusat Pemprosesan Durian Yang Telah Mendapat Pengiktirafan AQSIQ China
Table X8: List of Durian Processing Centres Accredited by AQSIQ China

BIL NO.	SENARAI PUSAT PEMROSESAN LIST OF PROCESSING CENTRES
1	FAMA Batu Kurau
2	AMC Jerantut
3	Hernan Corporation Sdn. Bhd.
4	Top Fruits Sdn. Bhd
5	ARTM Services Sdn Bhd
6	Lee Moon Sdn Bhd
7	Desaria Food Sdn Bhd
8	Dulai Fruits Enterprise
9	Mikuni Biotech & Life Science (M) Sdn Bhd

Pemasaran Sayur-Sayuran

Pada tahun 2015, nilai urusniaga bagi sayur-sayuran adalah sebanyak RM 15.3 juta dan perincian adalah seperti Jadual X9. Nilai ini menunjukkan penurunan sebanyak 4 peratus berbanding pada tahun 2014 iaitu RM 16.0 juta. Antara sayur-sayuran yang dipasarkan adalah terdiri daripada kubis, tomato, timun, kacang panjang, bendi, cili, petola, terung, labu dan keledak. Pengurangan ini disebabkan oleh kekurangan bekalan kesan daripada berlakunya banjir yang melanda negeri-negeri pengeluar utama termasuk negeri Pahang, Kelantan dan Terengganu.

Marketing of Vegetables

In 2015 trading in vegetables amounted to RM 15.3 million and the details are as in Table X9. The trading value shows a decline of 4 percent compared to the figure of RM 16.0 million in 2014. Among the vegetables marketed were cabbage, tomato, cucumber, long beans, okra, chilli, squash, brinjals, pumpkin and sweet potato. The decrease was due to less supplies coming from the flood hit production states of Pahang, Kelantan and Terengganu.

Jadual X9: Nilai Jualan Sayur-Sayuran Tahun 2011-2015
Table X9: Sales Value of Vegetables Year 2011-2015

TAHUN YEAR	NILAI JUALAN SAYURAN (RM ' JUTA) VEGETABLE SALES (RM ' MILLION)
2011	19.8
2012	19.5
2013	16.7
2014	16.0
2015	15.3
JUMLAH TOTAL	87.3

Stok Simpanan Bekalan Makanan (SSBM)

Program ini adalah bertujuan untuk membekal komoditi segar terpilih kepada pasaran dengan pada harga yang kompetitif bagi memenuhi keperluan pengguna dan membantu menstabilkan harga di pasaran. Program ini diumumkan oleh Y.A.B Perdana Menteri pada 24 Januari 2014 semasa lawatan kerja 'Jimat Belanja Dapur' di Pasar Tani Putrajaya. Sumber bekalan bagi 9 komoditi SSBM adalah seperti berikut :

- a. Kubis : China dan Indonesia
- b. Cili Merah : China, Vietnam, Thailand dan tempatan
- c. Tomato : China, Vietnam, Indonesia dan tempatan
- d. Bawang Besar : India, China
- e. Bawang Ros : India
- f. Kelapa : Indonesia
- g. Lobak merah : China, Australia dan Indonesia
- h. Halia : China, Indonesia dan Thailand
- i. Kentang : China, India, Bangladesh dan Indonesia

Pemasaran Tanaman Pelbagai

Urusniaga bagi tanaman pelbagai seperti kelapa tua import, roselle, tebu, jagung, pelbagai varieti keledak dan lain-lain bagi tahun 2011 hingga 2015 adalah seperti berikut:-

Food Stockpile

The Programme was implemented with the objective of supplying selected fresh commodities at competitive prices in the market to fulfil consumer needs as well as to stabilise market prices. The Programme was announced by Y.A.B. Prime Minister on 24 January 2014 during his working visit to 'Save Kitchen Expenses' campaign at the Putrajaya Farmers' Market. The supply sources for the 9 stockpile commodities are as follows :

- a. Cabbage : China dan Indonesia
- b. Red Chilli : China, Vietnam, Thailand and locally
- c. Tomato : China, Vietnam, Indonesia and locally
- d. Large Onions : India, China
- e. Rose Onions : India
- f. Coconut : Indonesia
- g. Carrot : China, Australia and Indonesia
- h. Ginger : China, Indonesia and Thailand
- i. Potato : China, India, Bangladesh and Indonesia

Marketing of Various Crops

Trading in various crops such as imported old coconuts, roselle, sugarcane, maize, various varieties of sweet potato and others, from the year 2011 until 2015 is shown:-

JadualX10: Nilai Jualan Komoditi Tanaman Pelbagai, 2011-2015
Table X10: Sales Value of Various Crops 2011-2015

TAHUN YEAR	NILAI VALUE (RM JUTA) (RM MILLION)
2011	16.7
2012	9.7
2013	11.8
2014	13.7
2015	8.2
JUMLAH TOTAL	60.1

Pemasaran Lanskap dan Florikultur

Pada tahun 2015, urusniaga lanskap dan florikultur adalah sebanyak RM 882,191 berbanding tahun 2014 dengan peningkatan 72 peratus. Aktiviti urusniaga adalah jualan anak pokok, bunga-bunga, herba, baja, pasu, tanah serta hiasan lanskap

Landscape and Floriculture Marketing

In 2015, trading in landscape and floriculture amounted to RM 882,191 which was an increase of 72 percent compared to the trading amount in 2014. The trading activity comprises sales of saplings of trees, flowers, herbs, fertilisers, flower pots, soil as well as landscape decorative products.

Jadual X11: Jualan Lanskap Dan Florikultur Tahun 2011-2015
Table X11: Sales of Landscape And Floriculture Year 2011-2015

TAHUN YEAR	RM
2011	1,207,236.00
2012	1,657,022.00
2013	934,465.00
2014	512,962.00
2015	882,191.00
JUMLAH TOTAL	5,193,875.00

Projek Unit Lanskap dan Florikultur
Floriculture and Landscape Unit Projects

Pusat Operasi Puchong
Puchong Operations Center

- i. Program INFRA 1Malaysia di PPR Cheras
INFRA 1Malaysian Programme at PPR Cheras



ii. Moh Gegar MARA di Beranang
Moh Gegar MARA Event at Beranang



iii. Taman Botani Negara Shah Alam
Botanic Garden Country Shah Alam



iv. KenDurian di BSKL
KenDurian Party at BSKL



- v. KenDurian di Petronas
KenDurian Party at Petronas



- vi. KenDurian Astro di KLGCC
KenDurian Astro Party at KLGCC



Pusat Operasi Dengkil, Selangor
Dengkil Selangor Operation Center

- i. Fiesta Manga di Menara Kuala Lumpur
Mango Fiesta at Menara Kuala Lumpur



ii. KenDurian di Bank Pembangunan
KenDurian Party at Bank Pembangunan



iii. KenDurian di FINAS
KenDurian Party at FINAS



iv. KenDurian di MINDEF
KenDurian Party at MINDEF




Pusat Operasi Selayang, Selangor
Selayang Selangor Operations Center

- i. Perhimpunan Melayu di Bukit Jalil Kuala Lumpur
Malay Rally at Bukit Jalil Kuala Lumpur



- ii. Karavan Tani di Berjaya Times Square
Farmer's Caravan at Berjaya Times Square



- iii. Kerjasama dengan Pasaraya TMC di Bangsar
Cooperate Programme with TMC Mall at Bangsar



- iv. Pelancaran Fiesta Manga di Giant Batu Caves
Mango Fiesta Lauching at Giant, Batu Caves



- v. *KL Big Kitchen di Dataran Merdeka*
KL Big Kitchen Event at Dataran Merdeka



Pusat Operasi KBS Ipoh
KBS Ipoh Operation Center

- i. *Floria di Putrajaya*
Floria at Putrajaya



Pusat Operasi Batu Kurau, Perak
Kurau Stone Operation Center, Perak

- i. *Jualan Mega Durian Batu Kurau di Perak*
Mega Sales Kurau Stone's Durian, Perak



- ii. *Jualan Merdeka di Jab. Penerangan Perak*
Merdeka Sales at Jabatan Penerangan, Perak



Pusat Operasi Alor Setar, Kedah
Alor Setar Kedah Operation Center

- i. Perbekalan ke Mydin, AEON, Giant dan C-Mart
Supply Chain to Mydin, Aeon Giant and C-Mart



- ii. Hari Penyayang
Penyayang's Day



- iii. Karnival Hari Guru
Teacher's Day Carnival



- iv. Jimat Belanja Dapur
Save Shop Kitchen



Pusat Operasi Bukit Mertajam
Bukit Mertajam Operations Center

- i. Promosi Buah-Buahan di Bukit Mertajam
Promotion of Fruits at Bukit Mertajam



- ii. KenDurian di UiTM Pulau Pinang
KenDurian Party at UiTM Pulau Pinang



- iii. Program Jualan Turun Harga
Sales Price Programme



Pusat Operasi Kuantan
Kuantan Operation Center

- i. Ulangtahn UTC
Kuantan Ke 3
UTC Kuantan 3rd Anniversary



- ii. HPPN Pahang di
Felda Keratong
*HPPN Pahang at
Felda Keratong*



- iii. Pasar Rabu di
Taman Pertanian
*Wednesday's
Market at*



- iv. Karnival Buah
Tempatan di UTC
*Local Fruits
Carnival at UTC*



Pusat Operasi Jerantut
Jerantut Operations Center

- i. Fiesta Bera
Bera Fiesta



Pusat Operasi Kuala Terengganu
Kuala Terengganu Operations Center

- i. Pelancaran Pasar Tani Tepoh
Farmer Market Launch Tepoh



Pusat Operasi Johor Bahru
Johore Bharu Operations Center

Bahagian Maklumat Pasaran berperanan dalam membekalkan maklumat khusus mengenai senario pemasaran hasil-hasil produk agromakanan melalui pendekatan-pendekatan terkini. Beberapa aktiviti telah dilaksanakan di sepanjang tahun 2015 iaitu pengumpulan maklumat pasaran, analisis dan penyebaran serta penyelidikan pasaran dan penerbitan jurnal.

Antara aktiviti yang dilaksanakan adalah seperti berikut;

- a. Pengutipan Maklumat Harga Keluaran Produk Agromakanan Terpilih mengikut peringkat ladang, borong dan runcit seluruh Malaysia
- b. Pemantauan Harga Runcit Keluaran Produk Agromakanan Terpilih bagi Program Jimat Belanja Dapur di Pasar Tani dan Pasar Awam Terpilih
- c. Pemantauan Maklumat Pengeluaran Buah-buah Bermusim Terpilih
- d. Pemantauan Data Bekalan Kobis di Cameron Highlands
- e. Pengutipan data harga Jualan Turun Harga (JTH) di Pasar Tani
- f. Penerbitan Buku Warta Barangan

ANALISIS DAN PENYEBARAN

Analisis dan penyebaran memainkan peranan menyusun atur dan menganalisis data harga, bekalan dan angkubah-angkubah agromakanan dalam bentuk laporan dan jadual harga serta membuat penyebaran kepada Pengurusan Kanan FAMA, pembuat dasar Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani serta golongan sasaran. Antara output yang dihasilkan adalah seperti berikut:

- a. 52 buah laporan harga mingguan Senario Semasa Bekalan, Permintaan dan Harga Pasaran Bagi Komoditi Terpilih di Peringkat Ladang, Borong dan Runcit di Malaysia
- b. 104 buah Jadual Harga Purata Selasa dan Khamis bagi item Terpilih
- c. 156 buah Jadual Harga Purata Runcit Harian Item Terpilih

MARKET INFORMATION

Market Information Division plays its role in supplying information specifically on the marketing scenario of agro food products using modern up-to-date approaches towards this end. Various activities were implemented throughout the year 2015 namely collecting market information, analysis and dissemination as well as market research and publishing journals.

Among the activities carried out include the following;

- a. *Price collection of selected agro food products at the farm, wholesale and retail levels throughout Malaysia*
- b. *Monitoring prices of selected agro food products for the 'Save*
- c. *Kitchen Expenses' Programme at selected Farmers' Markets and Public Markets*
- d. *Monitoring Production Information of selected local fruits*
- e. *Monitoring supply data of cabbage in Cameron Highlands.*
- f. *Collection of data on 'lower sales prices' at Farmers' Market*
- g. *Publishing Product News*

ANALYSIS AND DISSEMINATION

Analysis and dissemination of information plays an important role in organising and analysing data on prices, supplies and other variables of agro food products in the form of Reports and Price Schedules as well as dissemination to Senior FAMA Management, policy makers at the Ministry of Agriculture and Agro Based Industry and target groups. Among the output includes the following:

- a. *Printing 52 Reports on Weekly Prices, Current Supply Scenario, Demand and Market Prices of Selected Commodities at the Farm, Wholesale and Retail Levels in Malaysia*
- b. *Producing 104 units Schedule of Average Prices of Selected Items every Tuesday and Thursday*
- c. *Issuing 156 units Schedule of Daily Average Retail Prices of selected items*

- d. Menyediakan maklumat harga cadangan semasa bagi keperluan Perlaksanaan Skim Kawalan Harga Musim Perayaan untuk Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Kooperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK)
- e. Menyalurkan maklumat harga bagi penerbitan Buku Perangkaan Agromakanan oleh Bahagian Perancang Strategik, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani
- f. Penerbitan Buku Statistik Pemasaran FAMA, Buletin Tinjauan Pasaran Keluaran Hasil Pertanian & Produk Industri Asas Tani, Kalender Buah-buahan Bermusim dan Risalah Fakta Profil Negara

- d. *Preparing price suggestions for use in the Price Control Scheme during festive seasons enforced by the Ministry of Domestic Trade, Cooperatives and Consumerism (KPDNKK)*
- e. *Supplying price information for printing Agro food Statistics by the Strategic Planning Division, Ministry of Agriculture and Agro-Based Industry*
- f. *Printing FAMA Marketing Statistics Publication, Market Survey of Agricultural Produce and Agro Based Industry Products Bulletin, Calendar of Seasonal Fruit Production, Country Profile Fact Sheet*

Bahagian Maklumat Pasaran juga menekankan kepentingan mendokumentasikan prosedur kualiti kerja yang standard dengan menggunakan standard SIRIM iaitu ISO 9001:2008 bagi tujuh prosedur kualiti.

The Market Information Division had focussed on the importance of documenting work quality standard procedure by using SIRIM ISO 9001:2008 standard for seven quality procedures.



Buletin Tinjauan Pasaran Keluaran Hasil Pertanian & Produk Industri Asas Tani
Agricultural and Agro Based Product Market Study Bulletin

PENYELIDIKAN PASARAN DAN JURNAL



Kalender Buah-buahan Bermusim
*Seasonal Fruits Calendar FAMA Marketing Statistics
Publication*



Buku Statistik Pemasaran FAMA
FAMA Market Review Statistical Handbook

Penyelidikan Pasaran

Sepanjang tahun 2015, sebanyak tujuh (7) kajian telah dilaksanakan adalah seperti berikut:

- Kajian Penilaian Motosikal Tiga Roda di seluruh Malaysia
- Kajian Kos dan Margin Limau Nipis
- Kajian Profiling Parlimen Kemaman
- Kajian sumber bekalan pasar tani
- Kajian penilaian My Best Buy
- Kajian Penilaian Program Pengukuhan Bekalan Ladang Kontrak Terus ke Pasar Tani (KUKUH)
- Kajian Penilaian Medan Niaga Satok
- Market Research

Penerbitan Journal of Agribusiness Marketing (JoAM) bertujuan perkongsian maklumat menerusi hasil-hasil penyelidikan pemasaran pertanian dan menyebarkannya kepada golongan yang berkepentingan dalam sektor pertanian.

Market Research

During the year 2015, a total of 7 studies had been carried out as follows:

- Evaluation Study on The Three Wheeled Motorcycles throughout Malaysia*
- Study on the Cost and Margin of Lime*
- Profiling Kemaman Parliamentary Constituency*
- Study on Sources of Supply of Farmers' Market*
- Evaluation Study on My Best Buy*
- Evaluation Study on the Programme of Strengthening Supplies from Contract Farming direct to Farmers' Markets (KUKUH)*
- Evaluation Study on Satok Business Centre*
- Market Research*

Publication of Journal of Agribusiness Marketing (JoAM) for sharing information on agricultural marketing research findings and disseminating to concerned parties in the agricultural sector.



Kajian Penilaian Motorsikal Tiga Roda
Evaluation Study on Three Wheeled Motorcycles



Kajian Kos dan Margin Limau Nipis
Cost and Margin Study on Lime



Kajian Profiling Parlimen Kemaman
Profiling Parliament Kemaman Constituency



Kajian Sumber Bekalan Pasar Tani
Study on Source of Supply of Farmers' Market




Kajian Penilaian Program My Best Buy
Evaluation Study on My Best Buy Programme



Kajian Penilaian Program KUKUH
Evaluation Study on KUKUH Programme



Kajian Penilaian Outcome Medan Niaga Satok
Outcome Study on Satok Business Centre



Journal of Agribusiness Marketing



Commodity News

PROMOSI DAN EXPORT

GALAKAN PASARAN DALAM NEGERI

Pada tahun 2015 pelaksanaan program Promosi Dalam Negeri lebih tertumpu kepada aktiviti kempen bagi menggalakkan pengambilan hasil tempatan khususnya buah-buahan dan sayur-sayuran dikalangan masyarakat tempatan.

Kempen yang dijalankan ini melibatkan 108 buah sekolah dengan penglibatan 26,450 pelajar dari seluruh negeri. Pelbagai aktiviti menarik telah dijalankan seperti pertandingan melukis poster, kuiz, syarahan, menulis esei, makan buah, gubahan bunga, *treasure hunt*, dan banyak lagi. Kempen Buah- Buah ke Sekolah dan Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA)

EXPORT AND PROMOTION

DOMESTIC MARKET PROMOTION

In the year 2015 the implementation of Domestic Promotion was more focussed on activities to promote domestic consumption of local products specifically local fruits and vegetables.

The campaign was carried out in 108 schools involving 26,450 students throughout the country. Various interesting activities were carried out such as poster drawing competition, quiz, lectures, essay writing, eating fruits, flower arrangements (floristry), treasure hunt and lots of other activities. Fruit Campaign in Schools and Public Institutions of Higher Education (IPTA).



Perasmian Kempen lebihkan Makan Buah-buahanTempatan Di Sekolah-sekolah
Officiating 'Eat More Local Fruits' Campaign in Schools



Kempen lebihkan Makan Buah- buahan Tempatan Di Sekolah- sekolah dan IPTA
Eat More Local Fruits Campaign in Schools and IPTA



Pertandingan mewarna sempena Kempen lebihkan Buah- buahan Tempatan Di Sekolah
Colouring Competition During Eat More Local Fruits Campaign in Schools



Pertandingan Hiasan Menggunakan Buah Tempatan Sempena Kempen lebihkan Makan Buah- buahan Tempatan di IPTA
Fruit Decoration Competition Using Local Fruits During Eat More Local Fruits Campaign at IPTA



Pertandingan Mengukir Buah Tempatan Sempena Kempen lebihkan Makan Buah- buahan Tempatan di IPTA
Carving Local Fruits Competition During Eat More Local Fruits Campaign at IPTA



Promosi KopieSatu
KopieSatu Promotion

Kempen Lebihkan Makan Buah-buahan Tempatan turut dilaksanakan Hotel Aseana, Langkawi. Kempen ini bertujuan memperkenalkan buah-buahan dan keunikan makanan tradisional serta warisan Langkawi kepada para pelancong terutama pelancong luar negara.

Eat More Local Fruits Campaign was also held at Hotel Aseana, Langkawi. The campaign was aimed at introducing local fruits and the uniqueness of traditional dishes as well as the heritage of Langkawi to tourists especially the foreign tourists.



Promosi Buah- buahan & Produk Agro Makanan Tempatan peringkat Hotel oleh Y.B Datuk Hajjah Suraya Binti Yaacob di Hotel Aseana, Langkawi
Hotel Level Promotion of Local Fruits & Agro Food Products officiated by Y.B. Datuk Hajjah Suraya Binti Yaacob at Hotel Aseana Langkawi



Pelancong/ tetamu yang hadir bagi program Promosi Buah- buahan & Produk Agro Makanan Tempatan Peringkat Hotel

Tourists/Guests at the Hotel Level Promotion Programme of Local Fruits & Agro Food Products

Selain itu FAMA telah menyertai pameran perdagangan di Malaysia *International Food and Beverages (MIFB) 2015*, melibatkan penyertaan daripada 8 usahawan tempatan dalam kategori minuman, *paste*, snek, coklat dan produk herba. Bagi mempromosikan herba dan ulam pihak FAMA telah mengambil inisiatif mengadakan kerjasama dengan penganjur Herbal Asia 2015 melalui Ulam Fest 2015 bertempat di *Matrade Exhibition Trade Centre, Kuala Lumpur*.

FAMA had also participated in the International Food and Beverages (MIFB) Trade Exhibition Malaysia 2015, involving the participation of 8 local entrepreneurs in the category of drinks, paste, snacks, chocolates and herbal products. To promote herbs and salads FAMA cooperated with the Herbal Asia 2015 sponsors through Salad Fest 2015 at the Matrade Exhibition Trade Centre, Kuala Lumpur.



Pameran Perdagangan di Malaysia *International Food and Beverages (MIFB) 2015* di Kuala Lumpur Convention Centre
International Food and Beverages (MIFB) 2015 Trade Exhibition in Malaysia at the Kuala Lumpur Convention Centre



Ulam Fest 2015 di Matrade Exhibition Trade Centre, Kuala Lumpur
Salad Fest 2015 at Matrade Exhibition Trade Centre, Kuala Lumpur

Sempena program Hari Peladang Penternak dan Nelayan Kebangsaan (HPPNK), FAMA telah membantu pihak Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dengan mengadakan showcase hasil-hasil segar tempatan yang telah mendapat persijilan MyGap.

In conjunction with National Farmers' Breeders' and Fishermen's Day Programme (HPPNK) FAMA under the Ministry of Agriculture and Agro Based Industry had showcased local fresh produce which had attained MyGap certification.



Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan (HPPNK)
National Farmers' Day (HPPNK)



Showcase hasil-hasil segar sempena Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan (HPPNK)
Fresh Produce Showcase during the National Farmers' Day (HPPNK)



Peragaan buah-buahan tempatan dari ladang yang telah mendapat persijilan MyGap
Demonstration of MyGap Certified Local Fruits from the Farm

SAMBUTAN 50 TAHUN FAMA

Sempena dengan Sambutan 50 tahun penubuhan FAMA pelbagai aktiviti telah diadakan. Program ini telah diadakan pada 4hb hingga 6hb Disember 2015 bertempat di Daratan Merdeka, Kuala Lumpur. Aktiviti utama yang telah dilaksanakan ialah Pameran Korporat FAMA bagi memberitahu masyarakat mengenai aktiviti-aktiviti dan peranan FAMA kepada rakyat. Selain itu, bagi menyokong Kempen Lebihkan Makan Buah-buahan Tempatan, FAMA telah berjaya mencipta nama dalam *Malaysian Book Of Records* melalui Penciptaan Rekod "The Longest Carved Melon" sepanjang 50 meter yang telah disaksikan oleh YBhg. Datin Paduka Seri Rosmah Mansor isteri Perdana Menteri Malaysia. Ini melibatkan seramai 43 orang pengukir dari pelbagai latar belakang yang telah menghasilkan ukiran yang amat menarik. FAMA juga membuat penampilan khas Watak Kartun Upin dan Ipin sebagai daya tarikan kepada pengunjung terutama dikalangan kanak-kanak. Selain itu demonstrasi masakan oleh chef- chef terkenal iaitu Chef Joe (*Master Chef*) dan Chef Selebriti Yang Jamil telah diadakan. Pertandingan masakan '*Battle of the Champion*' telah diadakan bagi mencungkil bakat- bakat muda dalam bidang ini.

FAMA 50 YEARS ANNIVERSARY CELEBRATION

In conjunction with FAMA 50 Years Anniversary celebration, various activities were held. The Programme was held from 4th to 6th December 2015 at Daratan Merdeka Kuala Lumpur. The main activity was the FAMA Corporate Exhibition with the objective of informing the public about the activities and the role of FAMA. To support the Eat More Local Fruits Campaign, FAMA had successfully entered the Malaysian Book Of Records with the 'The Longest Carved Melon' of 50 meters witnessed by YBhg Datin Paduka Seri Rosmah Mansor the wife of the Prime Minister of Malaysia. The carving involved 43 carvers from varied background and they had done a wonderful job. FAMA had also arranged a special appearance of the famous cartoon characters Upin and Ipin as an added attraction to visitors especially among children. Other attractions were cooking demonstrations by famous chefs namely Chef Joe (Master Chef) and Celebrity Chef Yang Jamil. Cooking Competition 'Battle of the Champion' was held to bring out the best in young talents in this field.



Pameran di Pavillion FAMA sempena 50 tahun FAMA Exhibition in FAMA Pavilion in conjunction with 50 Years FAMA



Penampilan watak Kartun Upin dan Ipin sempena 50 tahun FAMA menarik minat pengunjung
Special Appearance of Cartoon Characters Upin and Ipin at the 50 Years FAMA Celebration attracted the masses



Demonstrasi masakan oleh Chef Selebriti Chef Yang Jamil
Cooking Demonstration by Celebrity Chef Chef Yang Jamil



Demonstrasi masakan berasaskan seaweed dan herba oleh Chef Joe (Master Chef)
Seaweed and Herbs Based Cooking Demonstration by Chef Joe (Master Chef)

Tandatangan penyaksian oleh YBhg. Datin Paduka Seri Rosmah Mansor *Malaysian Book Of Record "The Longest Carved Melon"* sepanjang 50 meter
Witness Signature by YBhg. Datin Paduka Seri Rosmah Mansor Malaysian Book of Records "The Longest Carved Melon" at 50 metres



YBhg. Datin Paduka Seri Rosmah Mansor tertarik dengan ukiran melon yang dihasilkan YBhg. Datin Paduka Seri Rosmah Mansor attracted to the Melon Carving



Malaysian Book of Record 'The Longest Carved Melons' sempena 50 tahun FAMA Malaysia Book of Records 'The Longest Carved Melon' in conjunction with 50 Years FAMA Celebration



GALAKAN PASARAN LUAR NEGARA

Tahun 2015 merupakan tahun terakhir pelaksanaan Rancangan Malaysia ke-10 (RMK-10). Sepanjang RMK10, Bahagian Pasaran Antarabangsa telah menjalankan pelbagai program galakan pasaran untuk memajukan pasaran produk agro-makanan ke pasaran antarabangsa. Selaras dengan dasar semasa kerajaan pusat, FAMA terus mendapat sokongan untuk meneruskan program untuk memperkukuhkan pasaran sedia ada di samping meneroka pasaran baru di luar negara.

Terdapat 10 jenis buah-buahan, 5 jenis sayur-sayuran, dua kategori bunga-bunga dan 8 kategori produk proses Industri Asas Tani yang diberi tumpuan eksport bagi tempoh RMK10. Buah-buah segar tersebut ialah durian, betik, nanas, tembikai, belimbing, mangga, rambutan, manggis, nangka dan pomelo. Sayur yang diberi tumpuan pula ialah tomato, cili, jagung, cendawan, kubis dan cili merah sementara orkid keratan dan kekwa berada dalam senarai bunga-bunga yang diberi fokus untuk eksport. Bagi produk proses pula, keutamaan adalah diberi kepada produk daripada di bawah minuman 'Ready To Drink' berasaskan buah-buahan, minuman 'premix' kopi, teh dan koko, Coklat dan sediaan koko, ramuan masakan (pes) dan rempah ratus, sos dan lepa, produk sejukbeku hasilan ikan, hasilan ternakan serta kuih tradisional, snek tradisional/ buah-buahan/sayur dan biskut dan akhir sekali mee segera HALAL. Aktiviti galakan pasaran luar negara dijalankan untuk memperkenalkan produk baru, meningkatkan permintaan pengguna terhadap produk dan membina jaringan perniagaan yang lebih meluas dengan komuniti perdagangan luar negara.

Bermula dari awal tempoh RMK10, Republik Rakyat China kekal sebagai pasaran tumpuan eksport untuk membangunkan pasaran durian sejukbeku dan produk berasaskan durian serta beberapa produk makanan HALAL keluaran usahawan Industri Asas Tani. Pemilihan produk tersebut dibuat berasaskan kepada potensi pasaran yang tinggi. Secara amnya, program galakan pasaran luar negara pada

OVERSEAS MARKET PROMOTION

The year 2015 was the final year for the implementation of the 10th Malaysia Plan (RMK-10). The International Market Division had carried out various market promotion programmes to develop the market for agro food products overseas. In line with the current policy of the Central Government, FAMA continued to receive support to pursue the programme of strengthening the existing markets as well as to explore new markets overseas.

There were 10 types of fruits, 5 types of vegetables, two under flower category and 8 underprocessed Agro based Industry products category that were focussed for the export market under the RMK10. The fresh fruits include durian, papaya, pineapple, watermelon, starfruit, mango, rambutan, mangosteen, jackfruit and pomelo. The vegetables that were given focus were tomato, chilli, maize, mushrooms, cabbage and red chilli while cut orchids and chrysanthemum under the flower category were focussed for export. Whereas under the processed products category, priority was given to fruit based Ready To Drink products, premix coffee, tea and cocoa drinks, Chocolate and Chocolate preparations, food ingredients (paste), spices, sauces, spreads, frozen fish based products, livestock products as well as traditional cakes, traditional fruits/vegetable/and biscuit snacks and lastly HALAL instant mee. The market promotion activities overseas were geared towards creating product awareness, enhancing demand for the product and expanding business networking with the business community overseas.

Starting from the beginning of the 10th Malaysia Plan, the People's Republic of China remained the focussed export market for the agro based industry entrepreneurs in developing the frozen durian, durian based products as well as other HALAL food product market. The choice of the products was based on high potential in the market. Generally the overseas market promotion

2015 dikategorikan di bawah dua strategi iaitu Penerokaan Pasaran Baru dan kedua Pengukuhan Pasaran Sedia Ada.

Aktiviti Untuk Membangunkan Pasaran Baru (Peluasan Pasaran)

- Pameran Perdagangan
- Pemadanan Perniagaan.
- Pameran dan Promosi Terus Kepada Pengguna
- Hantaran Untuk Mendapatkan Akses Pasaran.
- Hantaran Percubaan Eksport Komersil

Aktiviti Untuk Mengukuhkan Pasaran Sedia Ada (Meningkatkan Daya Saing)

- Promosi di Pasaraya (In-store promotion)
- Penjenamaan Malaysia's Best/1 Malaysia Best.
- Periklanan.
- Pembangunan Ruang Pasaran/Menambah Saluran Pasaran.
- Khidmat Bimbingan dan Penyaluran Informasi Pasaran Kepada Usahawan Eksport
- melalui jalinan perdagangan dengan dan pihak yang industri.

FUNGSI BAHAGIAN

Bahagian Pasaran Antarabangsa berperanan melaksanakan program pembangunan eksport produk agro-makanan melalui Cawangan Galakan Pasaran dan Cawangan Pembangunan Eksport. Impak daripada program tersebut diharap akan dapat meningkatkan keyakinan industri terhadap pasaran eksport dan seterusnya mendorong mereka untuk mencebur diri dalam bidang pengeksporan atau berusaha menambah nilai eksport. Objektif program yang dilaksanakan ialah untuk ;

- i. Mempertingkatkan kesediaan (readiness) usahawan dan produk agro- makanan dalam skop pengeksporan .
- ii. Meningkatkan nilai eksport usahawan yang menyertai program pengeksporan FAMA.

2015 were being categorize under two strategies which were Exploring New Market and Establish existing market.

Activities to Develop New Markets (expanding markets)

- *Trade Exhibition*
- *Business Matching*
- *Exhibitions and Promotions Direct to Consumers*
- *Shipments for Market Access Purposes*
- *Trial Shipments for Commercial Exports*

Activities in Strengthening Existing Markets (Enhancing Competitiveness)

- *Promotion in Supermarkets (In-store promotion)*
- *Malaysia's Best/1 Malaysia Best Branding Advertising*
- *Developing Market Space/increasing market channels*
- *Guidance and Providing Market Information to Export Entrepreneurs*
- *Through Commercial Link with the Industry players*

FUNCTIONS OF THE DIVISION

The International Market Division implements the agro food products export development programme through the Market Promotion Department and Export Development Department. The impact of the programmes will be to enhance industry confidence towards the export market and as such encourages the engagement of interested parties in the export sector or in efforts to increase the export value. The objectives of the Programmes implemented are as follows:

- i. Improve readiness of entrepreneurs and the agro food products within the scope of the exports.*
- ii. Increase the value of exports of the entrepreneurs participating in the FAMA Export Programme.*

PENCAPAIAN SEPANJANG RMK-10

Sejumlah 79 aktiviti Galakan Pasaran Luar Negara dan Pembangunan Eksport telah dijayakan dalam tempoh RMK10 di mana secara keseluruhannya seramai 477 syarikat pengeksport telah mendapat faedah daripada program yang dijalankan. Produk yang telah berjaya dipromosikan ialah 2005 "Stock Keeping Unit (SKU)".

Periklanan adalah aktiviti sokongan kepada program pembangunan eksport yang dijalankan. Ianya bertujuan untuk meluaskan pasaran produk di luar negara. Sebanyak 23 iklan buah-buahan dan produk proses telah dilaksanakan dalam tempoh RMK10.

PROGRAM GALAKAN PASARAN LUAR NEGARA

Bagi tahun 2015 sahaja, sebanyak 14 program promosi bersama Kedutaan Besar Malaysia luar negara, 4 promosi jualan di pasaraya, 14 aktiviti pameran perdagangan atau pameran pengguna telah dilaksanakan dengan penglibatan 100 syarikat dan 358 SKU produk telah dilaksanakan di 11 negara termasuk China, Dubai, Singapura, Brunei, Jepun, Hong Kong dan negara ASEAN. Pada bulan Ogos 2014, FAMA telah melancarkan Agrobazaar Malaysia, di Sultan Gate Singapura. Pusat promosi tetap ini bertujuan untuk meningkatkan nilai eksport produk agro-makanan ke negara tersebut. Kempen "Riuh de Agrobazaar" adalah promosi yang telah dimulakan pada bulan Ogos 2015 untuk mempromosi pelbagai produk agro makanan. Di samping itu, kempen tersebut turut memberikan penekanan terhadap promosi menu unik/ tradisional dari setiap negeri di Malaysia menerusi promosi "State Plater".

Nilai potensi jualan yang direkodkan melalui penyertaan usahawan dalam program anjuran FAMA ialah RM 52 juta iaitu meningkat 20 peratus berbanding RM 43 juta pada tahun sebelumnya. FAMA juga turut terlibat dengan beberapa program promosi di peringkat antarabangsa anjuran MATRADE termasuk mempromosikan

ACHIEVEMENTS UNDER THE 10TH MALAYSIA PLAN (RMK-10)

A total of 79 Overseas Promotion and Export Development activities had been carried out during the RMK-10 period in which 477 export companies had reaped benefits from the Programme carried out. A total of 2,005 Stock Keeping Units (SKU) had been promoted.

Advertising was the supportive export development Programme that had been carried out. It was to expand the market for the products overseas. A total of 23 advertisements on fruits and processed products was implemented during the RMK-10 period.

OVERSEAS MARKET PROMOTION PROGRAMME

In 2015 a total of 14 Programmes was hosted jointly with the Malaysian Foreign Missions and together with 4 sales promotions in supermarkets, 14 trade exhibitions or consumer exhibitions had been implemented involving 100 companies and 358 Stock Keeping Units in 11 countries including China, Dubai, Singapore, Brunei, Japan, HongKong and ASEAN countries. In August 2015, FAMA had launched Agrobazaar Malaysia at Sultan Gate, Singapore. The Centre as a permanent Promotion Entity was established to enhance the export value of agro food products to Singapore. The campaign 'Riuh de Agrobazaar' started in August 2015 was a programme to promote various agro food products. At the same time the campaign focussed on promoting traditional/unique menus of the respective States in Malaysia through the campaign 'State Plater'.

The recorded potential sales through the participation of the entrepreneurs in the Programme organised by FAMA was RM52 million a 20% increase compared to RM43 million in the previous year. FAMA was also involved in various promotion Programmes at the international level organised by MATRADE including the promotion



Promosi Buah Belimbing di World Expo 2015(7 - 13 Jun 2015), Milan, Italy
Starfruit Promotion at World Expo 2015 (7 - 13 June 2015) Milan, Italy

belimbing segar semasa program World Expo di Milan, Italy yang merupakan satu program antarabangsa yang diadakan pada setiap lima tahun.

of starfruit (carambola) at the World EXPO in Milan, Italy, an international event held every five years.

Aktiviti meningkatkan kesedaran kepada pengguna menerusi periklanan masih diteruskan pada tahun 2015 dengan penerbitan dan pengiklanan menerusi majalah ASWAQ, EXPAT dan Eurofruit bagi buah-buahan segar Malaysia khas untuk pasaran Timur Tengah dan Eropah. Sebanyak 26 aktiviti berkaitan persidangan/ lawatan/ mesyuarat luar negara telah disertai oleh para pegawai dan usahawan yang terpilih.

Activity to raise awareness to consumers through advertisement was continued in 2015 with the publication and advertisement in ASWAQ, EXPAT and Eurofruit magazines for fresh fruits from Malaysia specifically for the Middle East and Europe markets. A total of 26 activities pertaining to overseas conferences / visits / meetings had the participation of selected officers and entrepreneurs.



Majlis menandatangani MOU oleh Syarikat Azaib Holdings dan Fidelis Retail India PVT. LTD di Gulfood 2015, Dubai pada 11 Februari 2015
MOU Signing Ceremony with Azaib Holdings Co. and Fidelis Retail India PVT. LTD. at Gulf-food 2015, Dubai on 11 February 2015

Jadual X41: Sasaran dan Pencapaian bagi Tahun 2014 dan 2015
Table X41: Overseas Market Promotion

BIL. NO.	SASARAN OUTPUT OUTPUT TARGET	PENCAPAIAN RMK-10 RMK-10 ACHIEVEMENT
1.	Penyertaan Pameran (Luar Negara) <i>Participation in Exhibitions (Oversea)</i>	79
2.	Bilangan SKU / Hasil Pertanian Dipromosi <i>Number of SKU/Promotion of Agro Products</i>	2,005
3.	Bilangan Usahawan Mendapat Faedah <i>Entrepreneurs who Benefitted</i>	477
4.	Publisiti dan Pengiklanan <ul style="list-style-type: none"> • Majalah <i>Publicity and Advertising</i> • Magazines 	23

Perbandingan Prestasi Tahun 2014 dan 2015
Comparison Performance 2014 And 2015

BIL. NO.	SASARAN OUTPUT OUTPUT TARGET	PENCAPAIAN ACHIEVEMENT 2014	PENCAPAIAN ACHIEVEMENT 2015
----------	---------------------------------	-----------------------------------	-----------------------------------

Galakan Pasaran Luar Negara/Oversea Target Promotion

1.	Bilangan Penganjuran /Penyertaan Pameran Perdagangan <i>Number of Trade Exhibitions Participated/Organised</i>	19	14
2.	Program Galakan Pasaran Bersama Kedutaan/ ACO/Agensi <i>Joint Market Promotion with Foreign Missions/ACO/Agency</i>	8	14
3.	Promosi In-Store <i>In- store Promotions</i>	3	4
4.	Bilangan Usahawan/Pengeksport yang mendapat faedah. <i>Number of Entrepreneurs/Exporters who Benefitted</i>	223	100
5.	Periklanan Luar Negara <i>Advertisement Overseas</i>	8	11
6.	Persidangan / Lawatan / Mesyuarat Luar Negara <i>Overseas Conference/Visits/ Meetings</i>	36	26

Jadual X42: Program Promosi Sektor Pertanian Keluar Negara Tahun 2015
Table X42: Agriculture Sector Overseas Promotion Programme 2015

BIL. NO.	PROGRAM PROMOSI/ PAMERAN/EKSPO/MISI. PROGRAMME PROMOTION/ EXHIBITION/EXPO/ MISSION	TEMPAT PLACE	TARIKH DATE
1.	ASEAN Consumer Fair	International Convention Centre (ICC) in Berakas, Brunei	28 Jan – 3 Feb. 15
2.	Gulf Food 2015	Dubai World Trade Center, Dubai	8 – 12 Feb 2015
3.	Foodex Japan 2015	Makuhari Messe, Japan, Japan	3 – 6 Mac 2015 3-6 March 2015
4.	Halal Food Expo Singapore	Singapore Expo Centre, Changi, Singapore	26 – 29 Mac 2015 26-29 March 2015
5.	FABEX Japan	Tokyo Big Sight in Tokyo, Japan.	15-17 April 2015
6.	Malaysia-Xian Food Festival Xian, Shaanxi, China (FACE)	Muslim Street, Xian City Centre, China	23 Mei – 2 Jun 2015 23 May-2 June 2015
7.	Promosi Nanas MD2 Agrobazar Agrobazaar promotion of Nanas MD2	Singapore Expo Centre, Changi, Singapore	7 – 10 Jun 2015 7-10 June 2015
8.	MILANO World Expo 2015 (FACE)	Malaysia Pavilion, World Expo, Milan, Italy	7 – 13 Jun 2015 7-13 June 2015
9.	ASEAN Consumer Fair Brunei.	International Convention Centre (ICC) in Berakas, Brunei	10-14 Jun 2015 10-14 June 2015
10.	Sambutan Ulang Tahun, Rih Agrobazaar. Anniversary Celebration, 'Rih Agrobazaar'	Sultan Gate, Agrobazaar Singapore, Singapore	28 – 31 Ogos 2015 28-31 August 2015
11.	Asia Fruit Logistica 2015, Hong Kong.	Asia World-Expo, HK International Airport Lantau, Hong Kong.	2-4 Sept 2015
12.	12 th CAEXPO 2015, Nanning, China	Nanning International Convention & Exhibition Center (ICEC), Nanning, China	18-21 Sept 2015
13.	China Fruit & Vegetable Fair (FVF) 2015 China	China National Convention Center (CNCC), Beijing, China	9 - 11 Sept 2015
14.	Kempen Rih De Agrobazaar Rih De Agrobazaar Campaign	Singapore Expo Centre, Changi, Singapore	17 Sept 2015

PROGRAM PEMBANGUNAN EKSPORT 2015

Cawangan Pembangunan Eksport memberi tumpuan dalam menjayakan aktiviti fasilitasi perdagangan luar negara produk segar dan proses melalui pengendalian logistik untuk hantaran akses pasaran, hantaran untuk program galakan pasaran luar negara, hantaran percubaan eksport komersil, pengukuhan saluran pasaran luar negara, penyaluran informasi prosidur eksport dan akses pasaran kepada pengeksport, mengatur perbincangan dengan pengimport serta mengambil tindakan susulan ke atas pertanyaan perdagangan yang berpotensi. Seramai 167 usahawan telah mendapat faedah daripada program yang telah dilaksanakan. Pada tahun 2015, fokus aktiviti adalah tertumpu kepada durian sejukbeku ke pasaran China. Secara keseluruhan, sebanyak 30 hantaran telah berjaya diuruskan yang melibatkan buah-buahan, produk makanan keluaran usahawan dan bunga segar. Hantaran mangga Harumanis ke Jepun hanya dapat dilakukan sekali sahaja pada 17 Mei 2015 disebabkan kesukaran untuk mendapat bekalan.

- a. Hantaran percubaan eksport rambutan varieti Anak Sekolah daripada Sri Aman, Sarawak ke Pasaraya Lulu, Dubai dengan kolaborasi pengeksport, Syarikat DRS Trading.



Rambutan yang telah siap dibungkus mengikut keperluan pengimport dan sedia untuk dieksport ke Pasaraya Lulu, Dubai

Rambutan Packed In Accordance with Import Regulations Ready for Export to Lulu Supermarket Dubai

EXPORT DEVELOPMENT PROGRAM 2015

The Export Development Department focussed on facilitating foreign trade of fresh and processed products through handling the logistics of market access shipments, shipments for overseas market promotion programme, commercial trial shipments, strengthening market channels overseas, channeling information on export procedures and market access to exporters, arranging discussions with importers as well as taking follow-up actions on potential trade enquiries. A total of 167 entrepreneurs benefitted from the Programmes that had been implemented. The activity that was focussed on throughout the year 2015 was on frozen durian exports to China. Overall 30 trial shipments had been carried out involving fruits, food products of entrepreneurs and flowers. There was only one consignment of Harumanis mangoes shipped to Japan on 17 May 2015 due to short supply.

- a. *Trial shipment export of rambutan Anak Sekolah variety from Sri Aman, Sarawak to Lulu Supermarket, Dubai in collaboration with exporter Syarikat DRS Trading.*





Promosi Durian Sejukbeku di Rangkaian Outlet PAGODA, Nanzen District , Dongguan
Promotion of frozen durian at the PAGODA Outlet Chain, Nanzen District, Dongguan.

- b. Penguatan saluran pasaran luar negara bersama pengedar/pengimport turut dilaksanakan sebagai langkah untuk meningkatkan nilai eksport produk agro makanan . Pada tahun 2015, tiga aktiviti 'promosi jualan' telah diadakan dengan kolaborasi pengeksport dan pengimport di China iaitu :
- i. Syarikat Nytrex Global Resources Sdn Bhd dengan kerjasama HBS International Holdings LTD telah berjaya melaksanakan promosi durian sejukbeku Malaysia dan produk berasaskan durian. Promosi berlangsung di 200 rangkaian kedai buah-buahan "PAGODA" di Shenzen dan Donguang, China. Promosi ini telah berlangsung dari 15 November 2015 hingga 29 Februari 2016
 - ii. Promosi durian sejukbeku dan produk berasaskan durian di China telah diadakan dengan kolaborasi Syarikat 1 Malaysia Agriculture Products Centre Sdn Bhd (1MAPC). Aktiviti promosi dijalankan melalui penjualan 50,000 set hamper yang mengandungi produk berasaskan durian (Durian Fruitlet, Coklat, Spring Roll, Mochi dan Kek) sempena Tahun Baru China. Aktiviti ini dijalankan dari 1hb Disember 2015 hingga 15hb Januari 2016.
- b. *Strengthening overseas market channels implemented jointly with distributors/importers to increase export value of agro food products.*
- i. *Syarikat Nytrex Global Resources Sdn. Bhd. with the cooperation of HBS International Holdings LTD. had successfully carried out promotion of frozen durian and durian based products from Malaysia. The promotion was carried out at 200 "PAGODA" fruit shop chain in Shenzen and Donguang, China from 15 November 2015 to 29 February 2016.*
 - ii. *Promotion of frozen durian and durian based products in China was held in collaboration with 1 Malaysia Agriculture Products Centre Co. Ltd. (1MAPC). The activity was carried out through sales of 50,000 durian based products hamper sets (Durian Fruitlet, Chocolate, Spring Roll, Mochi and Cake) in conjunction with Chinese New Year. The activity was carried out from 1 December 2015-15 January 2016.*



Promosi Durian Sejukbeku dan Produk Berasaskan Durian di Guangdong, China Pada 1 Disember 2015 hingga 15 Januari 2016.
Promotion of Frozen Durian and Durian Based Products in Guangdong, China from 1 December 2015 to 15 January 2016.



Promosi produk Agromas di ASEAN Farmer's Market, Prague pada 7 Nov 2015
AgroMas Products Promotion at ASEAN Farmer's Market, Prague on 7 November 2015

iii. Promosi produk proses oleh Kedutaan Besar Malaysia di Prague, Republik Czech sempena program ASEAN Farmers Market anjuran bersama kedutaan-kedutaan negara ASEAN pada 7 November 2015 dan promosi buah-buahan segar iaitu belimbing, dragon fruit dan nanas sempena International Christmas Festival pada 29 November 2015 di Hotel Hilton Prague. Gerai Malaysia dilaporkan telah berjaya menarik minat penduduk tempatan.

iii. *Processed Products Promotion by the Malaysia Embassy in Prague, Republic Czech in conjunction with ASEAN Farmers Market organised jointly with the Embassies of the ASEAN countries was held on 7 November 2015 and promotion of fresh fruits namely starfruit, dragon fruit and pineapple in conjunction with International Christmas Festival was held on 29 November 2015 at Hotel Hilton Prague. The Malaysia Stall had attracted wide interest of the locals according to the reports.*

Program bersama pengeksport bunga-bunga Hock Wee Nurseries Sdn Bhd untuk promosi orkid yang dijayakan atas permintaan Pejabat Perwakilan Pertanian di Kedutaan Besar Malaysia, Washington DC untuk menyertai Flower Mart 2015 pada 27 April 2015 di Washington National Cathedral.

Programme together with Hock Wee Nurseries Sdn. Bhd. a flower exporter was successfully carried out at the request of the Agricultural Attaché at the Embassy of Malaysia, Washington DC to participate in Flower Mart 2015 on 27 April 2015 at Washington National Cathedral.



Promosi buah-buahan segar Malaysia di *International Christmas Festival*, Hotel Hilton Prague pada 29 Nov 2015
Malaysia Fresh Fruits Promotion at International Christmas Festival, Hotel Hilton Prague on 29 November 2015



Pameran Orkid Malaysia di Flower Mart 2015, Washington National Cathedral, Amerika Syarikat.
Orchid Exhibition at Flower Mart 2015, Washington National Cathedral, USA

Jadual X43: Perbandingan Prestasi Pembangunan Eksport bagi Tahun 2014 dan 2015
Table X43: Performance Comparison 2014 and 2015

BIL. NO.	SASARAN OUTPUT OUTPUT TARGET	PENCAPAIAN ACHIEVEMENT 2014	PENCAPAIAN ACHIEVEMENT 2015
Pembangunan Eksport / <i>Export Development</i>			
1.	Bilangan Hantaran Percubaan Eksport / Hantaran Akses Pasaran <i>Number of Export Trial Shipments / Market Access Shipments</i>	16	30
2.	Bilangan Promosi Bersama Pengedar / Pengimport <i>Number of Export Trial Shipments / Market Access Shipments</i>	5	3
3.	Bimbingan Usahawan Pepadanan Perniagaan (Orang) <i>Guidance to Entrepreneurs Business Matching (people)</i>	115	161
4.	Bilangan Aktiviti Susulan Pameran Perdagangan <i>Number of follow-ups Trade Exhibitions</i>	3	3

FAKTOR PENINGKATAN ATAU PENURUNAN BAGI PERBANDINGAN

Pencapaian program galakan pasaran luar negara FAMA bagi tahun 2015 tetap membanggakan walaupun bilangan aktiviti yang telah dilaksanakan menunjukkan sedikit penurunan berbanding tahun 2014. Namun dengan pendekatan dan strategi pemasaran yang lebih fokus FAMA telah berjaya meningkatkan nilai potensi jualan usahawan sebanyak kepada RM52 juta iaitu meningkat 20% berbanding tahun sebelumnya. Peningkatan ini juga disumbangkan oleh permintaan yang tinggi terhadap durian sejukbeku *Mousang King* yang mendapat sambutan yang sangat menggalakan daripada pasaran negara China. Pengeksportan pes durian ke China juga turut menyumbang kepada peningkatan tersebut.

IMPAK PROGRAM / PROJEK YANG DILAKSANAKAN

Program penerokaan pasaran durian sejuk beku ke China yang mula dilaksanakan oleh FAMA dalam tempoh RMK10 khususnya tahun 2011 telah berjaya membawa impak seperti yang dihasratkan oleh pihak kerajaan. Statistik eksport durian ke pasaran tersebut jelas menunjukkan peningkatan. Bilangan pengeksport juga bertambah dari tahun ke tahun berikutan terdapatnya permintaan yang tinggi terhadap durian sejuk beku di China. Produk tersebut juga telah berjaya memasuki pasaraya OLE dan Parkson di Beijing, Shanghai, Guangzhou, Chengdu dan Shenzhen.

Seiring durian sejuk beku, pes durian Malaysia juga mula dieksport ke pasaran China dalam tempoh RMK10. Produk 'pastry dan dessert' yang menggunakan pes durian mendapat sambutan hangat dalam kalangan pengguna di Shenzhen dan beberapa wilayah di Selatan China. In dibuktikan oleh pembukaan 'Malaysian durian specialty shop' oleh usahawan Malaysia menjual produk berasaskan pes durian di Shenzhen, Chongqing dan Harbin.

FACTOR FOR THE INCREASE OR DECREASE IN COMPARISON

The achievement of the Overseas Promotion Programme for the year 2015 was commendable even though the number of activities that had been conducted showed a slight decrease compared to 2014. However the approach and a more focussed marketing strategy had succeeded in increasing the sales potential of entrepreneurs to RM52 million an increase of 20% compared to the previous year. The increase was also due to the high demand for frozen Mousang King Durian which was well received in the China market. The export of durian paste to China too contributed to the increase.

THE IMPACT OF PROGRAMMES/PROJECTS IMPLEMENTED

The Market Exploration Programme of frozen durian in China by FAMA which began in 2011 under RMK 10 had the impact as envisaged by the government. Export statistics of durian exports to China shows a clear increase. The number of exporters had increased from year to year following the high demand for frozen durian in China. The product had also succeeded in entering OLE and Parkson Supermarkets in Beijing, Shanghai, Guangzhou, Chengdu and Shenzhen.

Along with the frozen durian, other products such as durian paste from Malaysia was exported to China during the RMK10 period. Pastry and dessert products which used durian paste was a hit with the consumers in Shenzhen and in other regions in Southern China. Due to the overwhelming response to the product a Malaysian Durian Speciality Shop was opened by a Malaysian entrepreneur selling durian paste based products in Shenzhen, Chongqing and Harbin.

Penyertaan FAMA dalam beberapa pameran perdagangan luar negara telah berjaya menemukan usahawan dengan pengimport yang kemudiannya mendapat kontrak untuk membekalkan produk ke luar negara. Produk-produk yang berjaya diekspor melalui program luar negara FAMA dalam tempoh RMK10 ialah buah-buah-buahan segar, durian sejuk beku, pes durian, bawang goreng, coklat, snek tradisional, produk sejuk beku, madu, kopi dan biskut.

Dalam tempoh RMK10, bilangan usahawan yang menyertai program luar negara anjuran Cawangan Galakan Pasaran Luar Negara ialah 477 syarikat manakala 161 syarikat/ usahawan lagi menyertai program berkaitan yang dilaksanakan oleh Cawangan Pembangunan Eksport.

The participation of FAMA in trade exhibitions overseas had succeeded in business matching between entrepreneurs and importers which had resulted in securing contracts to export products to overseas markets. Products that had successfully penetrated the export market through FAMA overseas programme during the RMK 10 period were fresh fruits, frozen durian, durian paste, fried onions, chocolate, traditional snacks, frozen products, honey, coffee and biscuits.

During the RMK 10 period, the number of entrepreneurs who participated in overseas Programme organized by Overseas Market Promotion Department was 477 companies while 161 companies/entrepreneurs had participated in the related program implemented by Export Development Department.

PORTAL AGROBAZAAR ONLINE

Portal Agrobazaar Online (www.agrobazaar.com.my) adalah platform eDagang yang membantu usahawan agromakanan memasarkan produk dengan mudah, selamat dan menjana pendapatan.

Sepanjang tahun 2015, prestasi jualan Portal Agrobazaar Online adalah RM181,105.00 dengan transaksi sebanyak 744. Kumulatif bilangan pekedai dan produk berdaftar adalah masing-masing 716 usahawan dan 988 produk. Model perniagaan Agrobazaar Online ialah model komuniti maya yang aktif, saling berinteraksi dan berkerjasama seperti di Rajah X9.

Agrobazaar Online telah dilancarkan oleh YAB Dato' Sri Haji Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia pada 5 Disember 2015 semasa Majlis Sambutan 50 Tahun FAMA bertempat di Dataran Merdeka, Kuala Lumpur. Paparan Portal Agrobazaar Online adalah seperti Rajah X10 dibawah.

AGROBAZAAR ONLINE PORTAL


Agrobazaar Online Portal (www.agrobazaar.com.my) is a eDagang platform which assists Agrofood product entrepreneurs to market their products in a simple, safe and which generates income.

Throughout 2015, sales through the Agrobazaar Online Portal was RM181,105.00 with a total of 744 transactions. The cumulative number of shopkeepers and registered products was 716 entrepreneurs and 988 products respectively. The Agrobazaar Online trading Model is an interactive and collaborative virtual community as shown in Diagram X9:

Agrobazaar Online was launched by YAB Dato' Sri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, Prime Minister of Malaysia on 5 December 2015 during the 50 Years FAMA Anniversary Celebration at Dataran Merdeka, Kuala Lumpur. Agrobazaar Online Portal display is as shown in Diagram X10 below.



Rajah X9: Model Agrobazaar Online
Diagram X9: Agrobazaar Online Model



Rajah X10: Paparan Portal Agrobazaar Online
Diagram X10: The Display of Agrobazaar Online Portal



Meningkatkan Keberkesanan Pengurusan

Increasing Management Effectiveness

BAHAGIAN PERANCANGAN STRATEGIK

Pada tahun 2015, Bahagian Perancangan Strategik telah terlibat dalam penyelarasan dan penyediaan kertas-kertas dasar penting dengan kerjasama daripada semua bahagian di FAMA dan jabatan/agensi MOA antaranya berkaitan Pasar Tani Pasca Banjir, Status Pelaksanaan Pasar Tani Kekal Dan Borong, Pemasaran Buah-Buahan Bermusim Tahun 2015 dan Sambutan 50 Tahun FAMA.

Bahagian Perancangan Strategik telah berjaya mengekalkan Pensijilan ISO MS: 9001 : 2008 *Quality Management Systems* dengan penganugerahan dari SIRIM pada Mei 2015 yang lalu. Bahagian Perancangan Strategik sentiasa komited memberikan hasil kerja yang berkualiti serta memastikan mutu perkhidmatan adalah ditahap yang terbaik.

CAWANGAN DASAR

Pada tahun 2015, Cawangan Dasar telah melaksanakan kerja-kerja keurusetiaan bagi Mesyuarat Lembaga Pengarah FAMA yang telah bersidang sebanyak 13 kali dengan 31 Kertas Kerja, 17 Laporan Khas/Hal-hal lain dan 275 perkara maklumbalas telah dibentangkan serta 220 fail dokumen mesyuarat untuk semua Ahli Lembaga telah disediakan dan diedarkan.

Selain daripada itu, Cawangan Dasar turut menguruskan penyediaan maklum balas mengikut kekerapan mesyuarat bagi 7 mesyuarat utama diperingkat Kementerian dan FAMA iaitu Mesyuarat Jemaah Menteri; Mesyuarat Pasca Kabinet; Mesyuarat Pengurusan MOA; Mesyuarat Jawatankuasa Dasar; Mesyuarat Exco-exco Pertanian Bersama YB Menteri MOA; Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Pembangunan MOA dan Mesyuarat Pengurusan Kanan FAMA. Jumlah terkumpul bagi 7 mesyuarat utama ini pada tahun 2015 adalah 60 mesyuarat melibatkan penyediaan sebanyak 158 perkara maklum balas. Topik/Isu hangat adalah berkaitan perkara-perkara berikut :-

STRATEGIC PLANNING DIVISION

In 2015, the Strategic Planning Division was involved in the coordination and preparation of important policy papers with the cooperation of all the Divisions in FAMA as well as the departments/agencies of MOA. Among the papers were Farmers' Markets After the Floods, Status in the implementation of Permanent and Wholesale Farmers' Market, Marketing of Seasonal Fruits in 2015 and 50 Years FAMA Anniversary Celebration.

The Division had also retained the ISO MS: 9001: 2008 Quality Management Systems awarded by SIRIM on 7 Julai 2014. The Division is fully committed in providing quality work and strives to ensure the quality of service is at the highest level.

POLICY DEPARTMENT

In 2015, the Policy Department had provided secretarial services to FAMA Board Meetings which were held 13 times where a total of 31 board papers, 17 special reports and 275 meeting feedbacks were presented as well as 220 meeting document files for the Board members prepared and distributed.

The Department was also given the responsibility of preparing feedbacks for the seven main meetings at the Ministry and FAMA level namely the Cabinet Meeting, Post-Cabinet Meeting, Ministry Management Meeting, Policy Committee Meeting, Meeting of State Agriculture EXCO Members with Y.B. MOA Minister; Ministry Development Action Committee Meeting and FAMA Senior Management Meeting. The total for the combined meetings in 2015 was 60 meetings involving the preparation of 158 feedback items. The hot topics/issues were pertaining to the following matters:-

- a. Kos Sara Hidup;
- b. Jaminan Bekalan dan Pengedaran Agromakanan
- c. Agrobazaar Malaysia di Singapura
- d. Portal Agrobazaar.com
- e. Program Jimat Belanja Dapur / Pasar Tani;
- f. Eksport Durian Beku ke China;

Untuk tahun 2015, Cawangan Dasar telah melaksanakan kerja-kerja keurusetiaan dalam pengurusan soalan dan jawapan Parlimen berkaitan FAMA untuk 3 kali persidangan pada tahun 2015 melibatkan Dewan Rakyat dan Dewan Negara yang memerlukan jawapan kepada 38 soalan Dewan Rakyat dan jawapan kepada 14 soalan Dewan Negara. Antara perkara yang telah disentuh berkaitan FAMA adalah seperti berikut :-

Dewan Rakyat :-

1. Langkah kementerian dalam membantu petani-petani luas bandar meningkatkan pengeluaran eksport dan mengurangkan hasil import dari negara luar.
2. Isu pemasaran di Kepala Bukit (orang tengah membeli sayur orang kampung sedangkan kawasan tersebut ada FAMA).
3. Kerjasama dengan FAMA dalam pemberian bantuan kewangan.
4. Usaha-usaha yang dilakukan bagi memastikan 577 Pasar Tani menjual kesemua 73 barangan yang telah diturunkan harganya kepada 5%-20%.
5. Isu marketing dan saranan membina *cold room* di Rompin.
6. Usaha untuk memantau tahap kebersihan di Pasar-pasar Tani.
7. Pembekalan barangan FAMA ke KR1M.
8. Memperkasakan FAMA.
9. Mohon bina Pasar Tani di Kuala Sanglang dan Padang Sera, dan Agrobazaar di Kerpan.

Dewan Negara :-

1. Usaha kerajaan bantu usahawan-usahawan di tepi Lebuhraya Pantai Timur
2. Kementerian dan FAMA untuk mempromosikan buah-buah atau herba di hospital.
3. Mohon kerajaan tambah peruntukan kepada FAMA sempena kejayaan menganjurkan

- a. *Cost of Living*
- b. *Guarantee Supplies and Distribution of Agrofood*
- c. *Agrobazaar Malaysia in Singapore*
- d. *Portal agrobazaar.com*
- e. *Save Kitchen Expenses Programme*
- f. *Frozen Durian Exports to China*

